

# LAPORAN TAHUNAN 2009

ANNUAL REPORT 2009



PENGGERAK PEMBANGUNAN UMMAH



قَرْدَانِن كَمَا جَوَانِ اِقْتِسَادِن كَلَنْتَانِ

**PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN**  
KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION





## KANDUNGAN

CONTENTS

<b>MISI &amp; FALSAFAH KORPORAT</b> <i>Corporate Mission and Philosophies</i>	<b>2</b>
<b>AHLI LEMBAGA PENGARAH</b> <i>Board of Directors</i>	<b>4</b>
<b>STRUKTUR ORGANISASI PKINK</b> <i>PKINK Organisation Structure</i>	<b>6</b>
<b>KUMPULAN PENGURUSAN</b> <i>Management Team</i>	<b>8</b>
<b>PERUTUSAN PENERUSI</b> <i>Chairman's Statement</i>	<b>10</b>
<b>PERISTIWA KORPORAT</b> <i>Corporate Event</i>	<b>43</b>
<b>PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009</b> <i>Financial Statements for the year Ending 31st December 2009</i>	<b>64</b>



## MISI KORPORAT

*Corporate Mission*

Sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan, berlandaskan prinsip-prinsip Islam untuk kesejahteraan Ummah.

*A corporate body is responsible for steering the development and growth of Kelantan, in accordance with Islamic principles for the welfare of mankind.*

## FALSAFAH KORPORAT

*Corporate Philosophy*

Membina sebuah Kumpulan yang teguh, dinamik dan berdayasaing untuk menerajui pembangunan ekonomi negeri.

Mensasarkan pertumbuhan yang mapan dengan menceburi perniagaan yang memiliki kelebihan dayasaing, di samping mengekalkan rasa tanggungjawab kepada masyarakat.

Menggalakkan aktiviti komersil serta mewujudkan peluang pekerjaan di samping membantu menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kerjasama antara sektor kerajaan, pihak swasta dan masyarakat keseluruhannya.

Menghormati setiap pelanggan dan membalas kesetiaan mereka dengan perkhidmatan yang baik dan produk yang berkualiti melalui dedikasi yang unggul.

Berpegang teguh kepada nilai-nilai Islam sebagai prinsip dan panduan ke arah mencapai matlamat korporat dan untuk kesejahteraan ummah.

Menghasilkan kumpulan kerja yang berkualiti melalui pengwujudan persekitaran kerja yang menjamin peningkatan dan perkembangan peluang kerjaya, di samping menggalakkan semangat berkumpulan serta mewujudkan sikap saling hormat-menghormati dan mempercayai di setiap peringkat dalam organisasi.

Menerima pakai amalan-amalan pengurusan sejagat yang terbukti keunggulan dan menggunakan teknologi terbaik bagi menjamin keterampilan pengurusan serta keberkesanan kos.

*To build a competitive, dynamic and sturdy Group that will spearhead the state economic development.*

*To pursue a sustainable growth and to venture into businesses in which Kelantan has a competitive advantage, while maintaining a sense of responsibility towards the public.*

*To encourage commercial activities and to create job opportunities while helping to promote economic growth and enhancing working relationship between the government sector, private sector and public at large.*

*To respect our customers and to reward their loyalty with superior service and best quality products through our dedication to excellence.*

*To uphold Islamic value as the guiding principles towards achieving corporate goals and "The Prosperity of the Ummah".*

*To produce a quality work-force by creating a conducive environment which will guarantee job enrichment and career advancement. An environment that will foster a spirit of teamwork, trust and mutual respect at every level within the organization.*

*To adopt proven best management practices and advanced technologies to guarantee efficient administration and cost effectiveness.*



**PENGERUSI**  
*Chairman*

**YAB TUAN GURU DATO' BENTARA SETIA  
HJ. NIK ABDUL AZIZ B. HJ. NIK MAT**

**Menteri Besar Kelantan**  
*Chief Minister of Kelantan*



# AHLI LEMBAGA PENGARAH

## BOARD OF DIRECTORS



YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia  
Hj. Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Mat  
Menteri Besar Kelantan  
Chief Minister of Kelantan  
Pengerusi Chairman

1



YBhg. Datuk Dr.  
Hj. Abdul Samad bin Hj. Alias  
Ahli Perniagaan Businessman  
Ahli Member

8



YBhg. Datuk Hj. Rameli bin Musa  
Ahli Perniagaan Businessman  
Ahli Member

9



YBrs. Hj. Azmi bin Mohd. Ali  
Ahli Perniagaan Businessman  
Ahli Member

10

**2** YB Dato' Hj. Ahmad bin Yakob  
Timbalan Menteri Besar Kelantan  
*Deputy Chief Minister of Kelantan*  
Timbalan Pengerusi *Deputy Chairman*



**3** YB Dato' Seri Setia Raja  
Hj. Mohd. Aiseri bin Hj. Alias  
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
*Kelantan State Secretary*  
Ahli Member



**4** YB Dato' Hj. Shkori bin Mohamed  
Tamat pada 27/5/2009  
Pegawai Kewangan Negeri Kelantan  
*Kelantan State Finance Officer*



**5** YB Dato' Hj. Mohd Faudzi bin Hj. Mamat  
Bermula pada 28/5/2009  
Pegawai Kewangan Negeri Kelantan  
*Kelantan State Finance Officer*  
Ahli Member



**6** YB Dato' Hj. Husam bin Musa  
Exco Kerajaan Negeri Kelantan  
*Kelantan State Exco*  
Ahli Member



**7** YB Dato' Hj. Anuar Tan bin Abdullah  
Exco Kerajaan Negeri Kelantan  
*Kelantan State Exco*  
Ahli Member



**1** YBrs. En. Yusoff bin Mahadi  
Tamat pada Mei 2009  
Pegarah Bahagian Penyelarasan Program  
dan Projek Pembangunan Kementerian  
Pembangunan Usahawan dan Koperasi  
*Ministry of Entrepreneurs and Co-operative*  
*Development*  
Ahli Member




**12** YBhg. Dato' Jalliah bt. Baba  
Ketua Pengarah MIDA  
*MIDA Director General*  
Ahli Member



**13** YBrs. En. Mat Rani bin Saud  
Timb. Setiausaha Kementerian Kewangan  
*Deputy Secretary Ministry of Finance*  
Ahli Member



# STRUKTUR ORGANISASI PKINK







**KETUA EKSEKUTIF**  
*Chief Executive*

Haji Mohd Sabri bin Abdullah

# KUMPULAN PENGURUSAN

## MANAGEMENT TEAM

Hj. Mohd Sabri b. Abdullah **1**  
Ketua Eksekutif Kumpulan K/Group Chief Executive



Ir. Hj. Mustapha Salleh **2**  
Timbalan Ketua Eksekutif  
(Perancangan & Pembangunan)  
Deputy CEO (Planning & Development)



Mohd Fauzi Hj. Taib **10**  
Pengurus Pembangunan Usahawan  
Entrepreneur Development Manager  
sehingga 11 Mac 2009



Hj. Mohd Adlan b. Mat Jusoh **11**  
Pengurus Pengurusan Sumber Manusia  
Human Resource Management Manager  
mulai 1 April 2009



Hj. Zainal b. Ab. Rahim  
Pengurus Khidmat Teknikal  
Technical Services Manager

Hj. Mohd Shah b. Abd. Kadir  
Pengurus Projek & Hartanah  
Project & Property Manager



Hj. Mohamed Alwi b. Ya  
 Timbalan Ketua Eksekutif  
 (Hal Ehwal Korporat) Sehingga 9/10/2009  
 Deputy CEO (Corporate Affairs)



**4** Datin hjh. Rosneli bt. Kundor  
 Pengurus Kewangan  
 Finance Manager



**5** Nik Farzimar bt. Nik Omar  
 Pengurus Perancangan Korporat  
 Corporate Planning Manager



**7** Hj. Baharuddin b. Harun  
 Pengurus Galakan Industri & IKS  
 Industrial Promotion & SMI Manager



**8** Hj. Md. Sanusi b. Ismail  
 Pengurus Perdagangan Antarabangsa  
 International Trade Manager



**9** Nik Mohamed Kamal b. Nik Yusoff  
 Pengurus Pengurusan Sistem Maklumat  
 Management Information System Manager



**13** Hj. Nik Kamil Amirah b. Nik Ab. Rahman  
 Pengurus Audit Dalam & Naziran  
 Internal Audit & Inspectorate Manager  
 mulai 1 Oktober 2009



**14** Ahmad Nazri b. Hj. Ismail  
 Pengurus Pengurusan Sumber Manusia  
 Human Resource Management Manager  
 sehingga 31 Mac 2009  
 Pengurus Pembangunan Usahawan  
 Entrepreneur Development Manager  
 mulai 1 April - 30 September 2009



**15** Hj. Mohamed b. Ismail  
 Pengurus Audit Dalam & Naziran  
 Internal Audit & Inspectorate Manager  
 sehingga 30 September 2009  
 Pengurus Pembangunan Usahawan  
 Entrepreneur Development Manager  
 mulai 1 Oktober 2009



## PERUTUSAN Pengerusi

### *Chairman's Statement*

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Tuhan Yang Maha Berkuasa memiliki Kerajaan Langit dan Bumi serta selawat dan salam ke atas Junjungan Mulia, Nabi Muhammad S.A.W.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan restu dan limpah izin-Nya saya mewakili Ahli-ahli Lembaga Pengarah PKINK dengan berbesar hati membentangkan Laporan Aktiviti dan Penyata Kewangan PKINK yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2009.

Bagi suku tahun pertama, ekonomi negara telah mengalami pengecutan sebanyak negatif 6.2% tetapi pulih dengan pengecutan yang lebih kecil iaitu negatif 3.9% dan negatif 1.2% pada suku tahun kedua dan suku tahun ketiga, seterusnya mencapai pertumbuhan positif sebanyak 4.5% pada suku tahun keempat. Pemulihan pada ekonomi Malaysia serta ekonomi global disokong oleh pengenalan pakej rangsangan ekonomi secara meluas oleh kebanyakan negara untuk menampung perbelanjaan domestik ke arah mengembalikan ekonomi mereka pada tahap optimum.

Antara tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk memulihkan ekonomi dalam negeri termasuklah pengumuman dua pakej rangsangan ekonomi yang berjumlah RM67 billion, meningkatkan sistem penyampaian sektor awam, menyediakan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif dan memperkenalkan model pertumbuhan ekonomi baru. Kerajaan juga mempertingkatkan usaha dalam meneroka peluang-peluang yang ada terutamanya bagi sektor perkhidmatan yang kini menyumbang sebanyak 58% KDNK serta memperuntukkan dana modal kerja berjumlah RM8.8 billion kepada industri kecil dan sederhana, contohnya Skim

*Alhamdulillah, praise be to Allah, the Almighty who governs the Heaven and the Earth, and blessings and greetings on the Noble Lord, Prophet Muhammad peace be upon him.*

*Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

*My utmost gratitude to Allah SWT for with His graciousness and permission I, as representative of the PKINK Board of Directors, am able to present the PKINK activity report and audited financial statements for the financial year ending 31 December 2009.*

*During the first quarter, the country's economy contracted by negative 6.2% but recovered with a smaller contraction of negative 3.9% and negative 1.2% during the second and third quarters before attaining positive growth of 4.5% in the fourth quarter. The recovery of the Malaysian and global economies is supported by the introduction of widespread economic stimulus programmes in many countries to sustain domestic spending in order to steer their economies back to an optimum level.*

*Some of the actions taken by the Malaysian Government to improve the domestic economy are the announcement of two economic stimulus packages totalling RM67 billion, enhancing the delivery system of the public sector; providing a more conducive business environment and introducing a new economic growth model. The government also intensified the effort to explore available opportunities especially in the service sector which currently contributes 58% of the GDP and allocated working capital funds totalling RM8.8 billion to the small and medium industries, for example the Working Capital Loan Scheme and Industry Development Financing Loan Scheme. All*



Pinjaman Modal Kerja dan Skim Pinjaman Pembiayaan Pembangunan Industri. Kesemua ini telah memberi kesan positif keatas perkembangan ekonomi negeri.

Kegiatan ekonomi Negeri Kelantan yang bukan bersandarkan kepada perindustrian berorientasikan eksport telah mampu melantun kembali pertumbuhan ekonomi ketahap optimum. Ini adalah kerana ekonomi Kelantan banyak berpaksikan kepada usahawan/industri kecil sederhana tempatan yang begitu resilien kepada ekonomi global serta mempunyai sumber permintaan domestik yang mapan.

Sepanjang tahun 2009 juga, PKINK kekal sebagai salah sebuah agensi Kerajaan Negeri yang unggul, dengan 22 syarikat anak di dalam 7 sektor ekonomi utama. Tujuh sektor ekonomi yang dimaksudkan ialah perladangan, perkhidmatan, hartanah, perkayuan, pertanian, sumber galian dan pelancongan.

Tahun 2009 merupakan tahun mencabar kepada sektor perladangan terutamanya komoditi sawit yang merupakan tanaman utama kepada Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd dan kumpulannya. Tanaman sawit merangkumi 3,433ha, iaitu 70% dari jumlah kawasan matang sedangkan tanaman getah hanyalah untuk kawasan seluas 1,569ha. Harga komoditi tersebut masih lagi terjejas akibat kemelut ekonomi dunia tahun 2008 dimana purata harga BTS jatuh kepada RM465/tan daripada RM610/tan untuk tahun sebelumnya. Namun begitu, peningkatan produktiviti serta kualiti buah telah memastikan prestasi sektor ini kekal utuh dan menjadi penyumbang utama keuntungan kumpulan PKINK. Tanaman sawit belum matang untuk Kumpulan SLST adalah seluas 5,573ha iaitu di Ladang Tapis Jeli dan Ladang Rakyat Lubok Bongor (perjanjian bersama dengan Ladang Rakyat Negeri Kelantan dalam tahun

*these have positively impacted the state's economic growth.*

*Economic activities in Kelantan which are not export oriented industries have managed to bounce back to register optimum economic growth. This is because the Kelantan economy is largely focused on local small and medium entrepreneurs/industries that are resilient to the global economy and have a stable domestic demand.*

*In 2009 too, PKINK remained one of the best state government agencies, with 22 subsidiaries in the seven major economic sectors of plantation, service, property, timber, agriculture, minerals and tourism.*

*The year 2009 was challenging to the agricultural sector especially the oil palm commodity which is the main crop of Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd and its group. The oil palms cover 3,433 ha which is 70% of the total mature area while rubber covers an area of only 1,569 ha. The price of the commodity continues to be affected by the global economic downturn in 2008 where the average fresh fruit bunch (FFB) price fell to RM465/ton from RM610/ton in the previous year. However, the increase in productivity and fruit quality ensures that the performance of the sector remains stable to become the main contributor of PKINK group profits. The premature oil palm crops of the SLST Group cover an area of 5,573 ha, i.e. in Tapis Jeli Plantation and Lubok Bongor People's Plantation (joint agreement with Kelantan State People's Plantation in 2006). Both plantations are expected to start producing in 2011. In 2009, SLST was actively developing two new plantations, the 1,852-ha Kuala Balah Plantation and the 4,000-ha Nenggiri Plantation.*



## PERUTUSAN PENERUSI

### *Chairman's Statement*

2006). Kedua-dua kawasan ini dijangka akan mengeluarkan hasil dalam tahun 2011. Dalam tahun 2009 ini, SLST giat membangunkan dua ladang baru iaitu Ladang Kuala Balah seluas 1,852ha dan Ladang Nenggiri seluas 4,000ha. Ladang Kuala Balah merupakan perjanjian bersama dengan Perbadanan Ladang Rakyat Negeri Kelantan dalam tahun 2007 untuk tanaman sawit manajala Ladang Nenggiri adalah perjanjian bersama dengan Perbadanan Menteri Besar Kelantan dalam tahun 2008 untuk tanaman getah klon balak.

Sektor perkhidmatan dalam segmen kewangan dan infrastruktur telekomunikasi turut membantu meningkatkan perolehan kumpulan ini, iaitu aktiviti-aktiviti yang diceburi melalui syarikat-syarikat dibawah Permodalan Kelantan Berhad (PKB) iaitu Sistem Pajak Gadai Islam Ar-Rahn serta Infra Quest Sdn Bhd dan Ascii Line Sdn Bhd. Sasaran negara dalam meningkatkan lagi kadar penembusan selular, jalurlebar serta internet kepada penduduk negeri merupakan peluang besar yang mampu diraih oleh syarikat-syarikat berasaskan telekomunikasi ini. Segmen prisihtatin juga turut dirangsang oleh peningkatan kemampuan masyarakat dan ini telah menghasilkan limpahan positif kepada dua hospital dalam kumpulan PKINK iaitu Pusat Rawatan Islam An-nisa, yang dimiliki sepenuhnya oleh PKB, serta Hospital Pakar Perdana, yang merupakan usahasama PKINK dengan KPJ Healthcare Sdn Bhd.

Sektor hartanah yang terus berkembang dengan baik di Kelantan telah diambil peluang dengan sepenuhnya oleh syarikat-syarikat Kumpulan PKINK iaitu Binaraya Sdn Bhd dan Kelkon Sdn Bhd bagi mengukuhkan sektor tersebut terutamanya dalam segmen komersil dan kediaman berskala besar. Tidak ketinggalan juga, SPP

*The Kuala Balah Plantation is a joint agreement with the Kelantan State People's Plantation Corporation in 2007 for oil palm while the Nenggiri Plantation is a joint agreement with the Kelantan Menteri Besar Corporation in 2008 for latex timber clone crops.*

*The service sector within the financial and telecommunications infrastructure segments also helped increase the group's revenue through activities carried out by companies under Permodalan Kelantan Berhad (PKB), namely Ar-Rahn Islamic Pawn Broking System as well as Infra Quest Sdn Bhd and Ascii Line Sdn Bhd. The national target of increasing the cellular, broadband and internet penetration rates among the state population presents a great opportunity for these telecommunications based companies.*

*The health care segment was also stimulated by an increase in society's financial capability which resulted in positive inflow to two hospitals in the PKINK group, An-nisa Islamic Medical Centre which is wholly owned by PKB and Perdana Specialist Hospital which is a joint venture between PKINK and KPJ Healthcare Sdn Bhd.*

*The property sector which continues to develop in Kelantan has been fully benefited by PKINK Group companies, Binaraya Sdn Bhd and Kelkon Sdn Bhd, to strengthen the sector especially in the large scale commercial and residential segment. Joining them were SPP Development Sdn Bhd and Profil Impian Sdn Bhd which are also involved in the medium scale residential sub-segment.*



Development Sdn Bhd dan Profil Impian Sdn Bhd yang turut sama melibatkan diri dalam subsegi kediaman berskala sederhana.

Perkembangan sektor pelancongan yang dilihat amat menggalakkan dijangka kekal menyumbang kepada pengukuhan ekonomi Kelantan sedia ada terutamanya pelancong tempatan berkeluarga. Bagi memenuhi keperluan ini PKINK akan membina /membangunkan lebih banyak servis apartmen di dalam bandar Kota Bharu, disamping membangunkan pusat pelancongan tepi pantai yang akan menarik pelancong asing serta pengunjung kelas menengah.

Walaupun pertanian bukan lagi merupakan sumber ekonomi utama Kelantan, Kerajaan Negeri sentiasa menaruh harapan tinggi kepada sektor ini melalui konsep 'Bertani Satu Ibadah'. Konsep ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti petani melalui perubahan minda dan budaya kerja ke arah mencapai visi untuk menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara. Selaras dengan itu, PKINK melalui syarikat-syarikat dibawah Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad, terlibat secara aktif dalam pertanian ini, termasuklah pertanian tanah tinggi lojing, pemuliharaan tanah terbiar, penternakan lembu dan kambing serta perladangan buah-buahan, di samping mengeluarkan baja padi subsidi untuk Kerajaan Negeri.


Berpegang kepada misi untuk menjadi sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan melalui budaya kerja berteraskan Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan, PKINK serta syarikat-syarikat dalam kumpulan telah berjaya mencapai kejayaan sepertimana disasarkan.

*The growth of the tourism sector which is seen as very encouraging is expected to continue contributing to strengthening the existing Kelantan economy especially through local family tourists. To cater to this requirement, PKINK will build/develop more serviced apartments in the Kota Bharu town apart from developing beach tourist centres to attract foreign tourists and middle class visitors.*

*Although agriculture is no longer Kelantan's main economic resource, the state government continues to place high hopes on the sector through the concept that 'farming is a religious duty'. The purpose is to increase farmers' productivity by changing their mindset and work culture to achieve the vision of transforming Kelantan into the national supplier of staple food. Accordingly, PKINK through companies under Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad has been actively involved in agriculture including Lojing highland farming, rehabilitation of idle lands, cattle and goat husbandry and orchards apart from producing subsidised paddy fertilisers for the state government.*

*Adhering to the mission of becoming a responsible corporate entity in spearheading development and economic growth in Kelantan through a work culture based on ubudiyah (servitude to Allah), mas'uliyah (responsibility and accountability) and itqan (quality), PKINK and companies within the group have managed to achieve the targeted goals.*





## PERUTUSAN PENGERUSI

*Chairman's Statement*

### PRESTASI KEWANGAN

#### PERBADANAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 pendapatan dari operasi Perbadanan adalah berjumlah RM24.518 juta berbanding tahun 2008 berjumlah RM15.933 juta. Punca utama peningkatan sebanyak 54% ini adalah hasil pertambahan ketara dari jualan hartanah sebanyak RM8.072 juta, yang merupakan nilai tanah yang diterima dari rakan usahasama untuk projek pembangunan di Jalan Hamzah.

Impak dari peningkatan pendapatan tersebut, keuntungan kasar dicatatkan bagi tahun 2009 berjumlah RM16.271 juta, iaitu penambahan sebanyak RM2.764 juta dari tahun 2008.

Pendapatan bukan operasi tahun 2009 pula telah meningkat sebanyak 77% dari tahun sebelumnya kepada RM6.738 juta. Hibbah Al-Mudarabah dan dividen adalah penyumbang utama pendapatan ini dengan jumlah masing-masing RM0.477 juta dan RM4.886 juta. Peningkatan sebanyak 1% diperoleh dari keuntungan Ar-Rahn iaitu sebanyak RM0.335 juta. Peningkatan ini menampung penyusutan dalam pengkiraan geran kerajaan dan keuntungan penjualan aset yang secara keseluruhannya menyusut sedikit iaitu sebanyak RM0.156 juta.

Pengucapan dalam belanja mengurus dan kendalian akibat tiada peruntukkan hutang ragu dibuat, serta peningkatan perolehan dari lain-lain pendapatan membolehkan Perbadanan bangkit dari kerugian tahun 2008 yang berjumlah RM(2.902) juta kepada keuntungan berjumlah RM2.904.

#### KUMPULAN

Secara keseluruhannya, Kumpulan PKINK telah mencatat pendapatan pada tahun 2009 sebanyak RM 213,679 juta menurun sebanyak 5% berbanding tahun sebelumnya iaitu RM 224,302 juta.

Walaupun hasil dari perladangan berkurangan berbanding dengan tahun 2008, sektor ini kekal sebagai penyumbang utama perolehan Kumpulan iaitu sebanyak RM51.493 juta atau 25% daripada perolehan Kumpulan yang berjumlah RM213.679 juta. Ini diikuti oleh sektor perkhidmatan, pembinaan dan pembangunan hartanah serta perkayuan. Peningkatan yang ketara ditunjukkan oleh pendapatan dari upah simpan Ar-Rahn, jualan balak dan kayu gergaji serta jualan projek perumahan.

Hasil perancangan, pengurusan dan kawalan tektik, kos jualan dapat dikurangkan sebanyak 16% iaitu dari RM 155.856

### FINANCIAL PERFORMANCE

#### CORPORATION

For the financial year ending 31 December 2009, the corporation's operating income was RM24.518 million compared to RM15.933 million in 2008. The main contributor of the 54% increase was the marked increase in property sale of RM8.072 million which was the value received from a joint venture partner for a development project at Jalan Hamzah.

Owing to the rise in income, 2009 registered a gross profit of RM16.271 million, an increase of RM2.764 million from 2008.

Meanwhile, the non-operating income for 2009 increased by 77% from the previous year to RM6.738 million. Hibbah Al-Mudarabah and dividends were the main income contributors with RM0.477 million and RM4.886 million respectively. The 1% increase was gained from the Ar-Rahn profit of RM0.335 million. The increase mitigated the decline in government grant recognition and asset disposal profit which, overall, slightly decreased by RM0.156 million.

The contraction in administrative and operating expenditures was owing to the absence of provision of doubtful debts and increase in revenue from other income that enabled the corporation to recover from a loss of RM(2.902) million in 2008 to a profit of RM2.904 million.

#### GROUP

Generally, the PKINK Group registered an income of RM213.679 million in 2009, a decline of 5% compared to the previous year of RM224.302 million.

Although the revenue from plantation decreased compared to that in 2008, the sector remained the major contributor to the group's income with RM51.493 million or 25% of the group's revenue totalling RM213.679 million. This was followed by the service, construction and property development and timber sectors. Marked increase was evident in the income from Ar-Rahn safekeeping fees, sale of timber and sawn timber and housing projects.

As a result of meticulous planning, management and control, selling costs were reduced by 16% from RM155.856 million in 2008 to RM130.504 million in 2009.



juta pada tahun 2008 kepada RM130.504 juta pada tahun 2009. Ini telah menyebabkan keuntungan kasar melonjak sebanyak 22% dari RM 68.446 juta pada tahun 2008 kepada RM 83.175 juta pada tahun 2009.

Amalan perbelanjaan berhemat yang diamalkan oleh pengurusan syarikat Kumpulan telah memberikan impak positif terhadap belanja mengurus dan kendalian yang telah berjaya dikurangkan sebanyak 2% iaitu dari RM67.74 juta tahun 2008 kepada RM66.48 juta tahun 2009.

Walaupun lain-lain pendapatan tahun 2009 menurun sebanyak RM 13.824 juta berbanding tahun 2008 kepada RM 7.921 juta, syarikat Kumpulan masih mampu mencatat keuntungan kasar dari operasi sebanyak RM 24.613 juta bagi tahun 2009 berbanding RM 23.312 juta bagi tahun 2008.

Perkongsiannya keuntungan syarikat bersekutu berjumlah RM 1.712 juta serta pengurangan belanja kewangan dari RM3.473 juta dalam tahun 2008 kepada RM3.378 juta dalam tahun 2009, mengukuhkan lagi keuntungan sebelum cukai Kumpulan bagi tahun 2009 yang bertambah kepada RM22.947 juta, berbanding tahun 2008 yang berjumlah RM 19.839 juta.

Penurunan cukai yang dikenakan kepada Kumpulan menjadikan keuntungan selepas cukai untuk tahun 2009 melonjak kepada RM17.457 juta berbanding tahun 2008 yang hanya mencatat RM 6.429 juta. Ini seterusnya menjadikan keuntungan bersih Kumpulan selepas kepentingan minoriti mencatatkan jumlah RM17.339 juta bagi tahun 2009 iaitu melibatkan peningkatan sebanyak 185% berbanding tahun 2008.

## PENGHARGAAN

Bagi pihak PKINK, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pihak Pengurusan serta seluruh anggota PKINK di atas semangat yang kental, usaha yang gigih dan istiqomah yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 2009. Saya juga mengucapkan terima kasih terutama kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Kelantan, Jabatan dan Agensi Kerajaan, individu serta syarikat swasta yang turut memberi sokongan padu serta kerjasama erat kepada PKINK dengan harapan agar jalinan kerjasama dapat diteruskan, diperkukuhkan dan dikembangkan di masa hadapan.

*This resulted in an increase of 22% in gross margin from RM68.446 million in 2008 to RM83.175 million in 2009.*

*Prudent spending practised by the group management resulted in positive impact on administrative and operating expenses which were reduced by 2% from RM67.74 million in 2008 to RM66.48 million in 2009.*

*Although other income in 2009 decreased by RM13.824 million compared to RM7.921 million in 2008, the group's companies still managed to record a gross profit from operation of RM24.613 million in 2009 compared to RM23.312 million in 2008.*

*Profit share of associate companies totalling RM1.712 million and reduction of financial expenses from RM3.473 million in 2008 to RM3.378 million in 2009 further enhanced the group's profit before taxation for 2009 which increased to RM22.947 million compared to RM19.839 million in 2008.*

*The reduction in tax imposed on the group resulted in the profit after tax for 2009 jumping to RM17.457 million compared to 2008 which recorded only RM6.429 million. This consequently resulted in the group registering a net profit after minority interest of RM17.339 million in 2009 which was an increase of 185% compared to 2008.*

*On behalf of PKINK, I express my deep appreciation and thanks to the Board of Directors, the management and all PKINK staff for the steely resolve, hard work and consistency they showed in 2009. I also extend special thanks to the federal government, Kelantan State Government, government departments and agencies, individuals and private companies which also gave solid support and close cooperation to PKINK with the hope that the cooperation will continue to strengthen and expand in future.*



**LAPORAN KORPORAT**  
*CORPORATE REPORT*



## BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

## HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia memainkan peranan penting dalam menguruskan tenaga kerja bagi memastikan ianya berada di tahap kecekapan yang memuaskan dan digunakan seoptimum mungkin. Di samping itu, bahagian ini juga bertanggungjawab dalam memastikan kecekapan pentadbiran dan pengurusan serta penyediaan latihan atau kursus yang sesuai mengikut keperluan anggota.

Dalam usahamemantapkan danmempertingkatkan keupayaan serta tahap kecekapan sumber manusia dalam organisasi, PKINK sentiasa membuat semakan dan meneliti kedudukan semua anggota terutama dari segi penempatan kerja dan keperluan tugas bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanan tugas di semua peringkat pengurusan atau pentadbiran.

Dalam meningkatkan tahap pengetahuan, sikap dan memberi pendedahan kepada anggota PKINK, beberapa program latihan telah disusun sepanjang tahun. Antaranya ialah Ceramah motivasi, Ceramah Kesihatan dan ceramah agama di samping seminar dan kursus khas di bidang masing masing untuk meningkatkan tahap kualiti anggota-anggota PKINK.

Selain itu, anggota-anggota juga telah diberi peluang untuk mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan diri bagi memantapkan tahap kerja dengan mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh INTAN, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan badan-badan professional yang lain.


*The Human Resource Management Division plays a significant role in managing the workforce to ensure it is at a satisfactory level of competence and is optimised in its use. In addition, the division is responsible for ensuring administrative and management competence and providing training or courses according to individual staff requirements.*

*To strengthen and enhance the capability and competence of the human resource within the organisation, PKINK continuously conducts reviews and studies the positions of personnel especially from the aspects of work placement and requirements to ensure task compatibility and effectiveness at every level of management and administration.*

*To enhance the knowledge and attitude of and provide exposure to PKINK personnel, a number of training programmes were organised throughout the year. They included talks on motivation, health and religion in addition to special seminars and courses in different fields to enhance the quality of PKINK personnel.*

*Furthermore, the personnel had the opportunity to raise their skills and capabilities and improve their work by participating in courses organised by INTAN, Kelantan State Government Secretary's Office and other professional bodies.*





## BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT

## CORPORATE PLANNING DIVISION

Bagi tahun 2009, Bahagian Perancangan Korporat (BPK) meneruskan peranannya bagi memastikan setiap penglibatan Kumpulan PKINK dalam aktiviti pelaburan baik secara langsung mahupun melalui syarikat anak memberikan pulangan yang menepati sasaran PKINK. Objektif BPK ialah untuk memastikan operasi dan pengurusan kewangan PKINK dan syarikat-syarikat anaknya adalah selaras dengan objektif penubuhan masing-masing serta mematuhi belanjawan yang telah diluluskan. Pemantauan ke atas pengembangan perniagaan Kumpulan PKINK juga dilaksanakan dengan teratur, efisien dan berkesan.

### **Pemantauan Syarikat Anak**

Seperti di tahun-tahun lepas, aktiviti utama BPK sepanjang tahun 2009 ialah menilai, memantau dan mengawal selia prestasi kewangan dan pelaksanaan fizikal syarikat anak, menyemak keberkesanan perniagaan syarikat anak, mengadakan lawatan-lawatan korporat ke beberapa syarikat anak, membuat penilaian korporat ke atas aktiviti perniagaan baru yang berpotensi untuk diceburi oleh PKINK dan juga syarikat-syarikat anak bagi memastikan projek-projek baru ini adalah selaras dengan keperluan PKINK dan Kerajaan Negeri yang mampu menjana keuntungan kepada para pemegang saham PKINK.

Mekanisma bagi pemantauan keatas syarikat-syarikat anak ini ialah melalui laporan bulanan yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat anak serta mesyuarat-mesyuarat Pengurusan PKINK dan Pengurusan Syarikat Anak yang diadakan setiap suku tahun iaitu dalam bulan Mac, Jun, Ogos dan November. Sebagai urusetia, BPK akan merumuskan keputusan yang diperolehi untuk dibentangkan kepada Pengurusan PKINK bagi tindakan

*In 2009, the Corporate Planning Division continued to ensure that the PKINK Group's involvement in all investing activities, whether directly or through subsidiaries, yielded returns that met its targets. The objective of the division is to ensure the operations and financial management of PKINK and its subsidiaries are in line with their respective incorporation objectives and comply with the approved budgets. Monitoring of business expansion of the PKINK Group was also carried out in an orderly, efficient and effective manner.*

*As with the previous years, the main activities of the division in 2009 were assessing, monitoring and supervising the financial performance and physical implementation of subsidiaries, reviewing the effectiveness of subsidiaries, conducting corporate visits to certain subsidiaries, performing corporate assessment on new potential business activities that PKINK and its subsidiaries could be involved in, to ensure the new projects are in accordance with PKINK's and the state government's requirements and able to generate profits to PKINK's shareholders.*

*The monitoring mechanism of the subsidiaries is through a monthly report submitted by the subsidiaries and meetings between the PKINK management and subsidiaries' managements which are held quarterly in March, June, August and November. As the secretariat, the division summarises the compiled results for presentation to the PKINK management for follow-up action. The division also coordinates the annual budget presentation and half yearly review of the group's companies for approval by the management.*





susulan, BPK juga menyelaras pembentangan Bajet Tahunan dan Semakan Setengah Tahun syarikat kumpulan untuk kelulusan Pengurusan.

Sebanyak tiga lawatan korporat telah diadakan dalam tahun 2009 iaitu ke Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad dalam bulan Februari, Ladang Rakyat Lubok Bongor dalam bulan April dan Murni Marketing Sdn Bhd dalam bulan Julai.

Bermula September 2009, BPK telah membantu perunding AFTAAS yang dilantik oleh PKINK bagi menyediakan sistem penyatuan kewangan syarikat-syarikat anak yang lebih mudah, efisien dan berkesan. Sistem penyatuan berkenaan telah berjaya memudahkan urusan penyatuan akaun Kumpulan PKINK untuk tahun 2009.

#### Pemantauan Projek

BPK juga bertindak sebagai sekretariat untuk Jawatankuasa Pelaburan PKINK, yang berfungsi untuk menilai dan memperakukan semua cadangan pelaburan baru oleh PKINK dan syarikat kumpulan, serta memastikan cadangan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dilaksanakan dengan lancar dan sempurna. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan ini telah diadakan setiap bulan agar pelaksanaan dapat disegerakan dan segala isu serta halangan yang membantutkan pelaksanaan dapat dibincang dan diselesaikan.

Sebagai sekretariat Jawatankuasa Pelaburan, BPK terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam cadangan pembangunan projek, termasuklah pembangunan semula Perdana Resort, pembinaan Lebuhraya Kota Bharu – Kuala Krai, pembangunan tanah di Mahang West Kok Lanas dan pembangunan tanah tinggi Lojing.

*Three corporate visits were conducted in 2009, namely to Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad in February, Lubok Bongor People's Plantation in April and Murni Marketing Sdn Bhd in July.*

*Since September 2009, the division has assisted the AFTAAS consultants appointed by PKINK to prepare a subsidiary financial consolidation system that is easier, more efficient and effective. The consolidation system managed to facilitate PKINK Group accounts consolidation in 2009.*

#### **Project Monitoring**

*The division also acts as the secretariat for the PKINK Investment Committee which assesses and authorises every new investment proposal by PKINK and group companies and ensures the proposals approved by the Board of Directors are implemented smoothly and properly. The Investment Committee meetings are held every month to expedite work execution and so that obstacles and issues that may hinder implementation can be discussed and resolved.*

*As secretariat for the Investment Committee, the division is directly and indirectly involved in project development proposals including the redevelopment of Perdana Resort, construction of the Kota Bharu – Kuala Krai Highway, land development in Mahang West Kok Lanas and highland development in Lojing.*

*As the coordinator for PKINK and Malaysia Development Corporation (MDeC) for the implementation of the ICT Incubator Centre, the division continues to monitor project implementation to ensure its success even though the project has been placed under the direct management of InfraQuest Sdn Bhd.*



Sebagai penyelararas antara PKINK dengan Malaysia Development Corporation (MDeC) untuk pelaksanaan Pusat Inkubator ICT, BPK masih terus memantau pelaksanaan projek itu bagi memastikan kejayaan walaupun ianya telah diletakkan terus dibawah pengurusan syarikat InfraQuest Sdn Bhd.

#### **Penyelarasan Projek Rancangan Malaysia Lima Tahun**

Bermula bulan Oktober 2009, BPK kembali meneruskan fungsi menyelaraskan permohonan-permohonan geran serta menyediakan laporan-laporan mengenai perbelanjaan peruntukan RMK9 untuk dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan (MOF). Proses ini terbantut selama 6 bulan setelah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) dibubarkan dalam bulan Mac 2009 dan kesemua PKEN telah diletakkan dibawah seliaan terus MOF. Dalam tempoh tiga bulan sehingga penghujung tahun 2009, PKINK telah membuat tuntutan geran berjumlah hampir RM7.9 juta dimana peruntukan ini telah digunakan bagi membiayai projek-projek Gerai Tok Bali, Medan Ikan Bakar di Kg Siti Mani dan Pusat pembangunan Usahawan & PKS Makanan Halal di Pengkalan Chepa. Dalam masa yang sama, BPK juga dikehendaki mengemukakan laporan pelaksanaan projek-projek RMK9 kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Negeri Kelantan.

Dalam bulan Oktober 2009 juga, BPK telah memulakan proses persediaan untuk mengemukakan cadangan-cadangan projek bagi mendapatkan peruntukan Kerajaan Persekutuan dibawah Rancangan Malaysia Kesepuluh yang akan bermula dalam tahun 2011.

#### **Penyelarasan Projek Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER)**

Sepanjang tahun 2009 juga, BPK meneruskan peranan sebagai penyelararas antara PKINK dengan ECERDC bagi projek pembangunan Taman Industri Halal Pasir Mas di Mukim Apam. Mesyuarat penyelararas, baik diperingkat dalaman, mahupun dengan ECERDC (Pembuatan, Pelancongan dan Hartanah) serta agensi-agensi berkaitan telah diadakan hampir setiap bulan sejak dari bulan Januari 2009, bagi memberi input kepada "Business Strategy and Implementation Plan" untuk projek tersebut.

Bermula dalam bulan April 2009, pihak ECERDC (Sosial) telah memilih dan mengiktiraf PKINK sebagai peneraju utama agensi Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dua projek pilot SOHO (Small Office Home

#### **Project Coordination of Malaysia Five-Year Plan**

Since October 2009, the division has resumed coordinating grant applications and preparing reports on the 9MP allocation expenditure to be forwarded to the Ministry of Finance. The process was stalled for 6 months when the Ministry of Entrepreneur and Cooperative Development was dissolved in March 2009 and all state economic development corporations were placed under the direct supervision of the Ministry of Finance. Within the three months until the end of 2009, PKINK made grant claims totalling close to RM7.9 million where the allocations were used to finance the Tok Bali stalls, Grilled Fish Centre at Kampung Siti Mani and Entrepreneur & PKS Halal Food Development Centre in Pengkalan Chepa. At the same time, the division was also required to submit the 9MP project implementation report to the Federal Development Department of Kelantan.

In October 2009, the division made preparations to submit project proposals to obtain federal government allocations under the Tenth Malaysia Plan which will commence in 2011.

#### **Coordination of East Corridor Economic Region (ECER) Project**

In 2009, the division continued being the coordinator between PKINK and ECERDC for the Pasir Mas Halal Industry Estate development project in mukim of Apam. The coordination meetings, whether internal or at ECERDC (Manufacturing, Tourism and Property) level with related agencies, were held almost monthly from January 2009 to provide input for the business strategy and implementation plan of the projects.

Commencing April 2009, ECERDC (Social) was selected and recognised PKINK as the leading state government agency in implementing two SOHO (small office home office) pilot projects in Kelantan for the North Agropolitan Programme, namely the Mushroom Cultivation Project and Earth Worm Compost Vermi Fertiliser Project. The division has the responsibility of managing both projects. The joint agreement between PKINK-ECERDC for the project was signed on 18.11.2009 and the programme has commenced with a fund injection of almost RM600,000 from ECERDC.

The division is also involved in the planning and studying of ECERDC for several other project proposals such as herbal cultivation and poultry rearing in Gua Musang, development of the Marine Industrial Park in Tok Ball and Pengkalan Kubor Tax Free Zone.



Office) di Kelantan bagi Program 'North Agropolitan' iaitu Projek Penanaman Kulat dan Projek Baja Vermi Kompos Cacing. BPK dipertanggungjawabkan sebagai pengurus untuk kedua-dua projek. Perjanjian Usahasama antara PKINK-ECERDC bagi projek ini telah ditandatangani pada 18.11.2009 dan program ini telah dimulakan dengan suntikan dana oleh ECERDC berjumlah hampir RM600 Ribu.

BPK juga turut terlibat dalam perancangan dan kajian ECERDC untuk beberapa cadangan projek lain seperti penanaman herba dan penternakan ayam di Gua Musang, pembangunan Taman Industri Marin di Tok Bali serta pembangunan Zon Bebas Cukai Pengkalan Kubor.

#### **Kolaborasi Industri-Akademik**

Bermula dalam bulan Februari 2009, BPK telah menggerakkan usaha untuk menjalinkan kerjasama antara PKINK dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bertujuan untuk mengenalpasti peluang-peluang perniagaan baru dan juga bagi mengundang UMK untuk menyertai projek-projek yang sedang dirancang oleh PKINK. Satu Memorandum Persefahaman antara PKINK dan UMK telah ditandatangani pada 19 Ogos 2009 bagi membolehkan kedua-dua pihak bersama-sama mengenalpasti, mengeksplotasi dan membangunkan beberapa sektor ekonomi seperti pertanian dan pelancongan, pembangunan di Lojing, pembangunan usahawan, produk-produk hiliran berasaskan kayu dan lain-lain sektor perniagaan yang dianggap sesuai dari masa ke masa.

BPK juga telah menggerakkan usaha untuk mewujudkan kolaborasi yang sama dengan UiTM Kampus Bandar. Sepertimana bahagian-bahagian lain, BPK juga telah menerbitkan KPI nya pada bulan Ogos 2009 bertujuan sebagai panduan untuk BPK melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawabnya secara lebih efektif bagi mencapai sasaran kerja.

Aktiviti-aktiviti BPK sepanjang tahun 2009 sepertimana yang dinyatakan di atas telah dapat dilaksanakan dengan berkesan .

#### **Industrial-Academic Collaboration**

*Since February 2009, the division has mobilised efforts to foster cooperation between PKINK and Universiti Malaysia Kelantan (UMK) with the purpose of identifying new business opportunities and also to invite the university to participate in projects being planned by PKINK. A memorandum of understanding between PKINK and UMK was signed on 19 August 2009 to enable both parties to identify, exploit and develop jointly from time to time a number of economic sectors such as agriculture and tourism, Lajing development, entrepreneur development, wood based downstream products and other business sectors deemed suitable.*

*The division has also started carrying out similar collaboration with the UiTM city campus.*

*As with other divisions, the Corporate Planning Division published its KPIs in August 2009 as guidance for it to carry out its duties and responsibilities more effectively so as to achieve its work objectives.*

*The division's activities throughout 2009 as described above were effectively implemented.*



## BAHAGIAN MIS

## MIS DIVISION

Pengurusan Sistem Maklumat merupakan bahagian yang bertanggungjawab menyediakan kemudahan IT kepada PKINK dan anak syarikat. Pada 2009 bahagian MIS telah berjaya melaksanakan sebahagian besar aktiviti yang dirancang seperti :

### 1. Pembangunan Semula Laman Web PKINK

Menggunakan teknologi CMS untuk memudahkan kerja-kerja senggaraan dan pembahagian tugas supaya kerja-kerja kemaskini dapat diagihkan dengan lebih praktikal dan sistematik.

### 2. Penaiktarafan Sistem Komputer dan Sistem Rangkaian secara berperingkat.

Kerja-kerja menaik taraf sistem pengkomputeran dengan pembelian notebook dan computer desktop serta menggantikan unit-unit sedia ada yang dianggap lapuk dan gantian kerosakan. Terdapat juga penaiktarafan sistem oleh rangkaian MIS dengan memperolehi pelayan web baru dimana perkakasan yang diperolehi berkeupayaan tinggi dari segi spesifikasi. Disamping itu, penstrukturan semula rangkaian terus dinaiktaraf lagi dari segi keselamatan untuk memastikan operasi rangkaian berjalan lancar.

### 3. Penyelenggaraan Komputer dan Penyelenggaraan Teknikal

Ops Senggara dan Audit komputer telah dijalankan secara berperingkat dan baki masih belum selesai dan akan diteruskan untuk 2010. Melakukan penyelenggaraan teknikal Sistem Kewangan Visual Finance di PKINK secara berterusan sehingga akhir tahun 2009.

### 4. Pembangunan Sistem Aplikasi

#### 4.1 Pengujian penggunaan perisian sumber terbuka (Open Source) untuk Pengurusan

*Management Information System is a division responsible for providing IT facilities to PKINK and the subsidiaries. In 2009, it managed to carry out most of the planned activities such as:*

#### 1) PKINK Website Revamp

*It was carried out using CMS technology to facilitate maintenance and work division so that updating duties can be distributed more practically and systematically.*

#### 2) Gradual Upgrading of Computer System and Network System

*Upgrading works of the computer system were carried out through the acquisition of notebooks and desktop computers as well as the replacement of existing units which were obsolete and broken. The MIS network underwent a system upgrade with the procurement of a new web server specified for high performance. In addition, the security of network restructuring was further improved to ensure smooth operations.*

#### 3) Computer and Technical Maintenance

*Ops Senggara and computer audit were carried out in stages. The tasks which were not covered would be done in 2010. Technical maintenance of the PKINK Visual Finance Financial System continued until the end of 2009.*

#### 4) Development of Application System

*4.1 Open source software utilisation testing for document management was conducted at MIS level. The software would be implemented at the subsidiaries.*





Dokumen telah dibuat di peringkat MIS dan akan melaksanakan penggunaan perisian ini ke peringkat Anak Syarikat.

- 4.2 Melaksanakan implementasi Sistem Kewangan FAS Karensoft hasil usahasama bahagian MIS dengan Bahagian Kewangan.

5. Latihan / Kursus IT DAN Sewaan Makmal Siber PKINK.

Mengkomersialkan pemasaran Makmal Siber PKINK dan penggubahsuaian makmal Siber dengan menggunakan konsep 'undertable'. Perkhidmatan sewaan Makmal Siber PKINK juga dibuka kepada pihak luar seperti jabatan kerajaan, swasta atau individu. Bagi tahun 2009, sewaan diterima adalah dari individu, bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat SUK, Permodalan Kelantan Berhad dan Perdana Resort Sdn. Bhd. Makmal ini digunakan untuk latihan berasaskan computer dan latihan lain seperti Kursus Bahasa Inggeris Komunikasi, Pengendalian Peperiksaan, Perancangan Perniagaan, Asas Forex dan lain-lain.

6. Lain-lain

Bahagian MIS diberi tanggungjawab untuk menerajui operasi Pusat Inkubator ICT Negeri Kelantan yang ditubuhkan melalui ICT Incubator Center Sdn. Bhd (IIC) Selain itu, MIS juga telah berjaya merangka dan menyiapkan Draf Polisi Pengagihan Komputer PKINK pada Jun 2009 dan masih menunggu kelulusan peringkat pengurusan tertinggi untuk digunapakai.

Bahagian ini juga menyediakan perkhidmatan sewaan LCD Projektor.

4.2 Implementation of the Karensoft FAS Financial System which was a collaboration between MIS Division and Finance Division.

- 5) IT Training/Course and PKINK Cyber Lab Rental  
Commercialising the marketing of the PKINK Cyber Lab and modifying the lab using the 'undertable' concept. The PKINK Cyber Lab rental service is also open to external parties such as government departments, private organisations and individuals. In 2009, rentals were received from individuals, SUK Information Technology Management, Permodalan Kelantan Berhad and Perdana Resort Sdn Bhd. The lab is used for computer based training and other forms of training such as Communication English Course, Handling of Examination, Business Planning and Forex Basics.

6) Other Matters

The MIS Division is responsible for leading the operation of the Kelantan ICT Incubator Centre established through ICT Incubator Centre Sdn Bhd (IIC). In addition, it succeeded in formulating and preparing the PKINK Computer Distribution Policy Draft in June 2009 which is awaiting top level approval before its deployment.

The division also provides rental service of LCD projectors.





## BAHAGIAN GALAKAN INDUSTRI & IKS

## INDUSTRY AND SMI INCENTIVE DIVISION

Sepanjang tahun 2009, aktiviti bahagian ini tertumpu kepada kerja-kerja pembaikan kilang Inkubator dan kilang-kilang sedia bina di Pengkalan Chepa II. Namun kerja-kerja utama bahagian ini masih berfokus kepada penjualan tanah, kutipan ansuran bayaran tanah yang dijual dan penyewaan hartanah.

Bahagian ini turut bekerjasama dengan JKR Negeri untuk meningkatkan kemudahan di kawasan perindustrian Pengkalan Chepa II seperti penyediaan lampu jalan baru, menaik taraf jalan dan kerja-kerja pembersihan longkang untuk kemudahan pembelian hartanah dan penyewa kilang.

Disamping itu, bahagian ini telah memindahkan tanah yang telah dibeli dari Perbadanan kepada pembeli-pembeli yang menjelaskan bayaran sepenuhnya dengan menyediakan Kertas Kerja permohonan pindah milik untuk diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Dalam tahun 2009 juga, Bahagian ini telah mengambil tindakan tegas terhadap pembeli-pembeli tanah lot industry yang gagal memulakan pembinaan kilang sebagaimana yang dikehendaki dalam Perjanjian Sewa Beli. Tanah-tanah lot yang ditarik balik telah ditawarkan semula kepada pelabur-pelabur yang benar-benar berminat untuk memajukannya.

*In 2009, the activity of the division focused on repair works on incubator and prefabricated factories in Pengkalan Chepa II. However the main tasks of the division remained concentrated on property sale, collection of instalments for sold land and property rental.*

*The division also works together with the state PWD to improve the facilities in the Pengkalan Chepa II industrial-estate by providing new street lights, upgrading the roads and cleaning the drains for the benefit of the property buyers and factory tenants.*

*Furthermore, the division transferred land purchased from the corporation to buyers who have made full payment by preparing the working paper for ownership transfer application to be forwarded to the State Executive Council.*

*In 2009 too, the division took stern action against industrial lot buyers who failed to commence factory construction as stipulated in the hire purchase agreement. The withdrawn land lots were again offered to investors who were truly keen to develop them.*





## SEKTOR PERLADANGAN

## PLANTATION SECTOR

**SYARIKAT  
LADANG SUNGAI TERAH  
SDN. BHD.**

Sepanjang tahun 2009, aktiviti utama perniagaan Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn. Bhd. (SLST) adalah meneruskan penanaman sawit di Ladang Rakyat Lubok Bongor seluas 3,335 ha serta Ladang Tapis seluas 1,889 ha. Aktiviti pembangunan dijangka akan siap sepenuhnya dalam tahun 2010 dan diharap akan mengeluarkan hasil dalam tahun 2011.

Aktiviti penebangan pula giat dilaksanakan di Ladang Kuala Balah 1,852 ha, dan Ladang Nenggiri 4,048 ha, masing-masingnya untuk tanaman sawit dan getah klon balak. Kedua-dua kawasan ini dijangka dapat mengeluarkan hasil dalam tahun 2012.

Pada masa yang sama, syarikat memastikan pengurusan ladang yang sedia ada iaitu Ladang Kelasa 2,633 ha dan Ladang Subong 2,783 ha berjalan lancar agar produktiviti pokok dan kualiti buah sentiasa terjaga pada kadar minima 18mt/ha dan kadar perahan minyak sawit minima 20.5%.

Syarikat	Ladang	Keluasan (ha)	Tanaman
SLSTSB	Kelasa	2,665	Sawit
		<i>Catitan: Dimiliki Oleh SLSTSB</i>	
SLSTSB	Subong	2,993	Sawit (45%)Getah (55%)
		<i>Catitan : Dimiliki Oleh SLSTSB</i>	
SLSTSB	Nenggiri	4,048	Getah Klon Balak
		<i>Catitan :Perjanjian Kerjasama Dgn. PMBK (Sawit) S/B (2008)</i>	
SLSTSB	K. Balah	1,851	Sawit
		<i>Catitan : Perjanjian Kerjasama Dgn. PPLRNC (2007)</i>	
<b>Jumlah Keluasan</b>	<b>SLSTSB</b>	<b>11,557</b>	

**SYARIKAT  
LADANG SUNGAI TERAH  
SDN BHD**

In 2009, the main business activity of oil palm cultivation of Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd (SLST) continued in the Lubok Bongor People's Plantation of 3,335 ha and the Tapis Plantation of 1,889 ha. The development activity is expected to be fully completed in 2010 and is projected to start producing in 2011.

Meanwhile tree felling was actively conducted in the Kuala Balah Plantation of 1,852 ha and Nenggiri Plantation of 4,048 ha, which were planned for oil palm and latex timber clone respectively. Both areas are expected to start producing in 2012.

At the same time, the company ensured the management of existing plantations, namely Kelasa Plantation of 2,633 ha and Subong Plantation of 2,783 ha, proceeded smoothly so that the tree productivity and fruit quality remained at the maximum level of 18 mt/ha and palm oil extraction was at a minimum rate of 20.5%.

Company	Plantation	Area (ha)	Crop
SLSTSB	Kelasa	2,665	Oil palm
		<i>Remark : Owned By SLSTSB</i>	
SLSTSB	Subong	2,993	Oilpalm(45%)Rubber (55%)
		<i>Remark : Owned By SLSTSB</i>	
SLSTSB	Nenggiri	4,048	Latex timber clone
		<i>Collaborative agreement with PMBK (Sawit) S/B (2008)</i>	
SLSTSB	K. Balah	1,851	Oil palm
		<i>Collaborative agreement with PPLRNC (2007)</i>	
<b>Total Area of</b>	<b>SLSTB</b>	<b>11,557</b>	



## SEKTOR PERLADANGAN

## PLANTATION SECTOR

Syarikat	Ladang	Keluasan (ha)	Tanaman
LTSB	Tapis	1,889	Sawit
<i>Catitan: Dimiliki Oleh LTSB (DiBeli Dari PKINK/KPKB - 2005)</i>			
LRLBSB	LR L. Bongor I	1,802	Sawit
<i>Catitan: Perjanjian Kerjasama Dgn. PPLRANK (2006)</i>			
LRLBSB	LR L. Bongor II	1,532	Sawit
<i>Catitan: Perjanjian Kerjasama Dgn. PPLRANK (2006)</i>			

Jumlah Keluasan LRLBSB 3,334  
**Jumlah Keseluruhan 16,780**

Sehingga 31 Disember 2009, SLST telah mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM13.168 juta dari jumlah pendapatan RM 39.587 juta. Hasilnya, keuntungan terkumpul syarikat mencapai hampir RM50 juta, dengan rezab sebanyak RM127.296 juta.

Dalam tahun 2009 juga SLST membayar sejumlah RM 2,816,502 kepada Perbadanan Ladang Rakyat Negeri Kelantan sebagai balasan kebenaran mengusahakan Ladang Rakyat Lubok Bongor dan Ladang Kuala Balah.

SLST sentiasa mengutamakan pengurusan perladangan yang efisien dan efektif melalui "Good Manufacturing Procedure" (GMP), "Good Agriculture Procedure" (GAP), dan "Standard Operation Procedure" (SOP). Syarikat ini juga mencapai kecemerlangan operasi melalui "Total Quality Management" (TQM) dan "Safety, Healty, Environment, Quality" (SHEQ).

Company	Plantation	Area (h)	Crop
LTSB	Tapis	1,889	Oil palm
<i>Owned by LTSB (bought from PKINK/KPKB - 2005)</i>			
LRLBSB	LR L. Bongor I	1,802	Oil palm
<i>Collaborative agreement with PPLRANK (2006)</i>			
LRLBSB	LR L. Bongor II	1,532	Oil palm
<i>Collaborative agreement with PPLRANK (2006)</i>			
<b>Total Area of LRLBSB</b>		<b>3,334</b>	
<b>Grand Total</b>		<b>16,780</b>	

Until 31 December 2009, the company has recorded a pre-tax profit of RM13.168 million from total income of RM39.587 million. As a result, the company's accumulated profit was almost RM50 million with reserve totalling RM127.296 million.

In 2009, the company paid the Kelantan State People's Plantation Corporation RM2,816,502 as consideration for permission to work on the Lubok Bongor People's Plantation and Kuala Balah Plantation.

The company continues to give priority to efficient and effective plantation management through good manufacturing procedure (GMP), good agricultural procedures (GAP) and standard operating procedures (SOP). It also achieved operating excellence through the application of total quality management (TQM) and 'safety, health, environment, quality' (SHEQ).





## SEKTOR PERKHIDMATAN

## SERVICES

## UB CONSULT SDN.BHD.

Bagi tahun 2009, syarikat telah meneruskan aktiviti terasnya dengan memberi perkhidmatan kesetiausahaan kepada pelanggan disamping memberi lain-lain perkhidmatan korporat seperti penyediaan akaun dan e-perolehan. Pada tahun 2009 ini, syarikat telah mencatatkan keuntungan bersih sebelum cukai dan agihan sebanyak RM 100,087.00.

## PERMODALAN KELANTAN BERHAD

Permodalan Kelantan Berhad (PKB) merupakan syarikat induk kepada tiga buah syarikat dan dua unit bisnes yang bergiat didalam sektor perkhidmatan. Sepanjang tahun 2009, terdapat beberapa aktiviti yang dijalankan seperti:

- 1) Rangkaian Pajak Gadai Islam Ar-Rahn dikembangkan lagi dengan pembukaan 2 cawangan baru iaitu di Kuantan, Pahang dan Bayan Baru Pulau Pinang pada 5 Januari 2009. Ini menjadikan cawangan Ar-Rahn bertambah kepada 22 cawangan.
- 2) Penubuhan Akademi Permodalan pada 1 Mac 2009
- 3) Program Mentor Mantee (PRS) pada 7 Mei 2009.
- 4) Peperiksaan Penilaian Kecekapan (PPK)

Buat julung kalinya, Peperiksaan Penilaian Kecekapan (PPK) diadakan bagi menilai tahap kecekapan kakitangan khususnya untuk Ar-Rahn. PPK ini diadakan 2 kali setahun iaitu bulan Mac dan September setiap tahun.

'My Office My Home' atau 'Pejabatku Rumahku' dilancarkan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK di Peladang Agro Setiu Resort, Besut Terengganu pada 27 Julai 2009.

- 5) Pelancaran Tabung Pelaburan 1 Koperasi PKN pada 1 September 2009
- 6) Majlis Pembahagian Zakat pada 16 September 2009

## UB CONSULT SDN BHD

*In 2009, the company continued its core activity of providing secretarial service to clients apart from providing other corporate services such as accounting and e-procurement. During the year, it recorded a net profit before tax and distribution of RM100,087.00.*

## PERMODALAN KELANTAN BERHAD

*Permodalan Kelantan Berhad (PKB) is the parent company of three companies and two business units involved in the service sector. In 2009, a number of activities were conducted:*

- 1) *Expansion of the Ar-Rahn Islamic pawn broking network with the opening of 2 new branches in Kuantan, Pahang and Bayan Baru, Penang on 5 January 2009. This increased the total number of Ar-Rahn branches to 22.*
- 2) *Establishment of Capital Academy on 1 March 2009*
- 3) *Mentor Mentee Programme (PRS) on 7 May 2009*
- 4) *Competence Assessment Examination*

*The inaugural Competence Assessment Examination was held to evaluate personnel competence level especially for Ar-Rahn. The examination is conducted twice a year, specifically in March and September.*

*The 'My Office My Home' campaign was launched by PKINK Group's Chief Executive at Peladang Agro Setiu Resort in Besut, Terengganu on 27 July 2009.*

- 5) *Launch of PKN 1 Cooperative Investment Fund on 1 September 2009*
- 6) *Zakat distribution ceremony on 16 September 2009*

**INFRA QUEST SDN BHD**

Infra Quest Sdn. Bhd. (IQSB) merupakan syarikat yang dilantik oleh kerajaan negeri dan dilesenkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi membina menara telekomunikasi di seluruh negeri Kelantan. Sehingga akhir tahun 2009 IQSB telah memiliki 137 buah menara untuk disewakan kepada operator telekomunikasi iaitu Celcom Malaysia Berhad, Maxis Broadband Sdn Bhd, Digi Telecommunication Sdn. Bhd. dan Sapura Research Sdn Bhd dan TM. IQSB juga telah Berjaya menyiapkan 20 buah menara telekomunikasi dan menyiapkan 21 buah menara milik Celcom Berhad dibawah Projek Time 3.

Diantara aktiviti yang dijalankan pada tahun 2009 ialah:

- 1) Menganjurkan Seminar bersama Kontraktor, Perunding dan QS di Bukit Kluang Beach Resort, Besut, Terengganu pada 20 hingga 21 Februari 2009
- 2) Mengadakan Majlis Jasamu DiKenang di Perdana Resort pada 17b Mei 2009
- 3) Mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Projek 2009 bersama Telcos di Pulau Perhentian pada 23 Mei 2009.

**APTUS NET COMMUNITIES SDN BHD**

Aptus Net Communities Sdn. Bhd. adalah anak syarikat kepada Infra Quest Sdn Bhd. Ditubuhkan pada 13 November 2008, syarikat ini merupakan jalinan usahasama antara IQSB dengan sebuah syarikat ICT Bumiputera iaitu Infolient Sdn. Bhd.

Diantara objektif utama penubuhan adalah untuk meningkatkan pembangunan dan kesedaran mengenai kepentingan internet dalam kalangan kerajaan, perniagaan dan rakyat di Kelantan.

Majlis Pelancaran Aptus Net Communities Sdn Bhd di KB Mall telah disempurnakan oleh YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat pada 26 Mac 2009 dan perbagai aktiviti promosi telah dijalankan sejak pelancaran tersebut.

**INFRA QUEST SDN BHD**

*Infra Quest Sdn Bhd (IQSB) is a company appointed by the state government and it is licensed by the Malaysian Multimedia and Communication Commission to build telecommunications towers across Kelantan. Until the end of 2009, IQSB had 137 towers to be rented out to telecommunications operators, namely Celcom Malaysia Berhad, Maxis Broadband Sdn Bhd, Digi Telecommunications Sdn Bhd, Sapura Research Sdn Bhd and TM. The company also managed to complete 20 telecommunications towers and 21 towers owned by Celcom Berhad under Time 3 Project.*

*Some of the activities conducted in 2009 were:*

- 1) Organising seminars with contractors, consultants and QS in Bukit Kluang Beach Resort at Besut, Terengganu on 20 and 21 February 2009*
- 2) Conducting a ceremony in appreciation of staff services at Perdana Resort on 17 May 2009*
- 3) Conducting the 2009 Project Coordination Meeting with Telcos on Perhentian Island on 23 May 2009*

**APTUS NET COMMUNITIES SDN BHD**

*Aptus Net Communities Sdn Bhd is a subsidiary of Infra Quest Sdn Bhd. Established on 13 November 2008, the company was created as a joint venture between IQSB and Infolient Sdn Bhd, a bumiputera ICT company.*

*The main objectives of its establishment include increasing the development and awareness of the importance of internet among the government, businesses and people in Kelantan.*

*The Aptus Net Communities Sdn Bhd launching ceremony at KB Mall was graced by Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat on 26 March 2009. Many promotional activities have been carried out since the launch.*







## SEKTOR HARTANAH DAN PEMBINAAN

## PROPERTY AND CONSTRUCTION SECTOR

### BAHAGIAN PROJEK DAN HARTANAH

Sepanjang tahun 2009 Bahagian Projek dan Hartanah telah merancang beberapa projek pembangunan seperti:

1. Operasi Perlombongan  
3 buah syarikat sedang menjalankan operasi perlombongan emas secara usahasama dengan Perbadanan iaitu:
  - KBM Properties Sdn. Bhd.
  - Lateral Construction Sdn. Bhd
  - Mayang Suri Sdn. Bhd.

Manakala 4 buah syarikat telah memperolehi Lesen Pajak Melombong pada tahun 2009 dan dijangka mula beroperasi pada pertengahan tahun 2010

- Roib Corporation Sdn. Bhd.
- AO Properties Sdn. Bhd.
- CMNM Sdn. Bhd.
- Sumber Nadi Sdn. Bhd.

2. Perolehan/Pengambilan Balik Tanah

Sepanjang tahun 2009, Bahagian Hartanah telah membuat permohonan milik atau pengambilan balik tanah di beberapa kawasan di Bandar Kota Bharu, Pasir Puteh, Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang untuk pelbagai tujuan pembangunan.

3. Pembalakan

Terdapat 2 syarikat pemegang konsesi yang masih beroperasi tahun 2009 iaitu:

1. Kompleks Perakayan Kelantan Sdn. Bhd
    - hutan simpan kekal Berangkat
  2. Great Eastern Mills Berhad
    - hutan simpan kekal Ulu Galas
- Kerajaan juga telah meluluskan kerja-kerja pembalakan di kawasan tanah tinggi seluas 11,000 hektar kepada Kompleks Perakayan Kelantan Sdn. Bhd.

### BINARAYA PKINK SDN BHD

Sepanjang tahun 2009, projek-projek pembangunan hartanah giat dijalankan oleh syarikat ini. Projek-projek tersebut meliputi projek perumahan iaitu perumahan jenis teres dan perumahan jenis banglo. Terdapat juga 2 unit Rumah Berkembar 2 Tingkat dan jumlah keseluruhan bagi nilai jualan perumahan adalah sebanyak 32.538 juta.

### PROJECT AND PROPERTY DIVISION

During 2009, the Project and Property Division planned several development projects:

1. Mining Operation  
Three companies are conducting a gold mining operation jointly with the corporation. They are:
  - KBM Properties Sdn Bhd
  - Lateral Construction Sdn Bhd
  - Mayang Suri Sdn Bhd

Another four companies obtained the Mining Lease Licence in 2009 and were expected to commence operation by mid-2010.

- Roib Corporation Sdn Bhd
- AO Properties Sdn Bhd
- CMNM Sdn Bhd
- Sumber Nadi Sdn Bhd

2. Land Acquisition/Repossession

Throughout 2009, the Property Division applied for land ownership or repossession in a number of areas in Kota Bharu, Pasir Puteh, Jeli, Kuala Krai and Gua Musang for various development purposes.

3. Logging

Two concessionaires continued to operate in 2009:

1. Kompleks Perakayan Kelantan Sdn Bhd
  - Berangkat permanent forest reserve
2. Great Eastern Mills Berhad
  - Ulu Galas permanent forest reserve

The government also approved logging activities in highland areas covering an area of 11,000 hectares to be carried out by Kompleks Perakayan Kelantan Sdn Bhd.

### BINARAYA PKINK SDN BHD

The company actively carried out property development projects in 2009 which covered residential projects of terraced houses and bungalows apart from two units of double-storeyed semi-detached houses. The total sales were valued at RM32.538 million.



#### Projek perumahan rumah teres

- i) Pembinaan 80 unit Rumah Teres 1 Tingkat Taman Kifayah Binaraya (Fasa 2), Jeli, yang bernilai RM 7.791 juta
- ii) Pembinaan 28 unit Rumah Teres 2 Tingkat Desa Mardhiah Binaraya (Fasa 1B) Mukim Pachor, Kota Bharu yang bernilai RM 5.197 juta
- iii) Pembinaan 31 unit Rumah Teres 2 Tingkat Perumahan PKINK Machang (Fasa 4 B), Padang Selising, Machang yang bernilai RM 5.038 juta
- iv) Pembinaan 11 unit Rumah Teres 2 Tingkat Perumahan PKINK Machang, (Fasa 5B), Padang Selising, Machang yang bernilai RM2.190 juta
- v) Pembinaan 37 unit Rumah Teres 2 Tingkat Desa Ar-Rahman Binaraya (Fasa 1B), Sungai Durian, Kuala Krai yang bernilai RM 4.200 juta

#### Projek perumahan rumah banglo:

- i) Pembinaan 16 unit Rumah Banglo 1 Tingkat Taman Cahaya Binaraya, (Fasa 2A), Pasir Genda, Tanah Merah yang bernilai RM 4.222 juta
- ii) Pembinaan 9 unit Rumah Banglo 1 Tingkat Taman Sri Desa Mesa Binaraya (Fasa 1D), Gual Periook, Pasir Mas yang bernilai RM 1.900 juta
- iii) Pembinaan 4 unit Rumah Banglo 2 Tingkat dan 2 unit Rumah Berkembar 2 Tingkat Taman Binaraya 2 Kg. Padang Jal, Pasir Tumbuh, Kota Bharu yang bernilai RM 2.000 juta

#### PROFIL IMPIAN SDN BHD

Dalam tahun 2009, syarikat ini menumpukan pelaksanaan pembangunan hartanah di Taman Kurnia Jaya Pengkalan Chepa iaitu :

- i) Pembinaan 50 unit rumah teres 2 tingkat (Fasa 4B), Taman Kurnia Jaya yang bernilai RM 10.349 juta
- ii) Pembinaan rumah banglo link 2 tingkat & banglo 2 tingkat, Taman Kurnia Jaya yang bernilai RM 1.790 juta

#### Terraced house residential project

1. Construction of 80 units of single-storeyed terraced houses in Taman Kifayah Binaraya (Phase 2), Jeli worth RM7.791 million
2. Construction of 28 units of double-storeyed houses in Desa Mardhiah Binaraya (Phase 1B), Mukim of Pachor, Kota Bharu worth RM5.197 million
3. Construction of 31 units of double-storeyed terraced houses in PKINK Machang (Phase 4B), Padang Selising, Machang worth RM5.038 million
4. Construction of 11 units of double-storeyed terraced houses in PKINK Machang (Phase 5B), Padang Selising, Machang worth RM2.190 million
5. Construction of 37 units of double-storeyed terraced houses in Desa Ar-Rahman Binaraya (Phase 1B), Sungai Durian, Kuala Krai worth RM4.200 million

#### Bungalow project:

1. Construction of 16 units of single-storeyed bungalows at Taman Cahaya Binaraya (Phase 2A), Pasir Genda, Tanah Merah worth RM4.222 million
2. Construction of 9 units of single-storeyed bungalows at Taman Sri Desa Mesa Binaraya (Phase 1D), Gual Periook, Pasir Mas worth RM1.900 million
3. Construction of 4 units of double-storeyed bungalows and 2 units of double-storeyed semi-detached houses at Taman Binaraya 2, Kampung Padang Jal, Pasir Tumbuh, Kota Bharu worth RM2.000 million

#### PROFIL IMPIAN SDN BHD

In 2009, the company focused on property development at Taman Kurnia Jaya, Pengkalan Chepa:

1. Construction of 50 units of double-storeyed terraced houses (Phase 4B), Taman Kurnia Jaya worth RM10.349 million
2. Construction of double-storeyed linked bungalows & double-storeyed bungalows, Taman Kurnia Jaya worth RM1.790 million



**SEKTOR HARTANAH DAN PEMBINAAN**

*PROPERTY AND CONSTRUCTION SECTOR*





## SINARAN PANTAI TIMUR CORSORTIUM BERHAD

Pada tahun 2009, syarikat ini telah melaksanakan pembangunan 10 unit kedai pejabat 3 tingkat di Mukim Bandar Kecil Rantau Panjang, (Fasa 1) bernilai RM8.000 juta.

### KELKON SDN BHD

Kumpulan Kelkon adalah terdiri daripada Kelkon Sdn. Bhd, Kijang Kuaru Sdn. Bhd. dan Kelmix. Sepanjang tempoh penggal 2009 Kelkon Sdn. Bhd telah melaksanakan pelbagai projek pembinaan seperti:

1. Kompleks Islam Gua Musang
2. Kompleks Islam Machang
3. Perumahan Jeli
4. Jalanraya bertingkat Pasir Mas
5. Jambatan Pengkalan Cina
6. SMK Badang
7. Pejabat Meteorologi
8. Bangunan pejabat Wakaf Bharu
9. Maahad Syamsul Maarif
10. SMK Sungai Petai
11. SK Che Latiff

Kesemua projek tersebut masih dalam pembinaan dan bernilai RM44.080 juta. Kelkon juga telah mengadakan usahasama dengan Majlis Daerah Jeli bagi membangunkan cadangan pembangunan yang dikenali sebagai Taman Persiaran Indah. Majlis menandatangani perjanjian dan pecah tanah telah diadakan pada 9 November 2009 bertempat di Majlis Daerah Jeli.

Dalam pada itu, Kelkon juga telah menyiapkan beberapa projek bagi tempoh tersebut iaitu:

1. Kompleks Masjid Al-Hikmah (ABIM)
2. Perumahan Desa Orkid
3. Masjid Beoh
4. IPD Pasir Mas

Sempena penyediaan Bangunan Kelantan Trade Centre, Kelkon telah menubuhkan satu anak syarikat yang dikenali sebagai Kelantan Convention & Apartment Sdn. Bhd. bagi menguruskan apartment KTC dan dewan konvensyen. Pemegang saham syarikat terdiri daripada Kelkon Sdn. Bhd, Prokel Management Sdn Bhd serta sebuah syarikat pengurusan hotel Bumiputera iaitu Rehal Corporation.

## SINARAN PANTAI TIMUR CORSORTIUM BERHAD

*In 2009, the company carried out the development of 10 units of three-storeyed shop offices at the Mukim of Bandar Kecil Rantau Panjang (Phase 1) worth RM8.000 million.*

### KELKON SDN BHD

*Kelkon Group comprises Kelkon Sdn Bhd, Kijang Kuaru Sdn Bhd and Kelmix. In 2009, Kelkon Sdn Bhd carried out various construction projects:*

1. *Gua Musang Islamic Complex*
2. *Machang Islamic Complex*
3. *Jeli Housing Estate*
4. *Pasir Mas elevated road*
5. *Pengkalan Cina Bridge*
6. *Badang National Secondary School*
7. *Meteorological Office*
8. *Wakaf Bharu office building*
9. *Syamsul Maarif Religious School*
10. *Sungai Petai National Secondary School*
11. *Che Latiff National School*

*All these projects were still under construction and were valued at RM44.080 million. Kelkon also collaborated with the Jeli District Council to prepare a development proposal known as Taman Persiaran Indah. The signing of agreement and ground breaking ceremony were held on 9 November 2009 at the Jeli District Council.*

*In addition, Kelkon completed several projects during the period:*

1. *(ABIM) Al-Hikmah Mosque Complex (ABIM)*
2. *Desa Orkid housing estate*
3. *Beoh Mosque*
4. *Pasir Mas District Police Headquarters*

*In conjunction with the completion of the Kelantan Trade Centre Building, Kelkon incorporated a subsidiary known as Kelantan Convention & Apartment Sdn Bhd to manage the KTC apartment and convention hall. The company's shareholders comprise Kelkon Sdn Bhd, Prokel Management Sdn Bhd and a bumiputera hotel management company, Rehal Corporation.*



Ibu pejabat Kelkon secara rasminya telah berpindah dari Bangunan Perbadanan Menteri Besar Kelantan, Jalan Kuala Krai ke Tingkat 8, Bangunan Pejabat Kelantan Trade Centre, Jalan Bayam Kota Bharu pada 1 November 2009.

### SPP DEVELOPMENT SDN BHD

Prestasi keseluruhan syarikat menyaksikan Untung Bersih syarikat meningkat 24.8% secara kumulatif kepada RM 4,673,885 pada 2009 berbanding tahun sebelumnya. Ini adalah hasil pendapatan dari penjualan rumah kediaman di Taman SPP Permai, Kota Warisan Fasa 2 dan Taman SPP Indah.

Faktor pemasaran dan strategi yang berkesan telah memainkan peranan penting pada tahun ini dimana hartanah yang ditawarkan oleh SPP telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan semasa Ekspo Hartanah (MAPEX), bilamana SPP telah mencatatkan jumlah jualan RM 3.5 juta (20 unit) dalam tempoh 4 hari sahaja.

SPP juga giat mencari tanah-tanah berpotensi untuk dimajukan dan telah mengenalpasti beberapa lokasi seperti Pantai Cahaya Bulan, Jalan Sri Cemerlang, Mukim Apam, Bandar Baru Tunjong, dan lain-lain untuk dimajukan. Trend pembangunan semasa di Kota Bharu bertumpu kepada pembinaan apartment dengan kemunculan KB Sentral di Jalan Hamzah, Batuta Villa di Telipot dan Madinatul Raudah di tapak Ibu Pejabat Polis Kota Bharu. Trend ini adalah satu corak permintaan pasaran yang bakal SPP terokai di masa hadapan memandangkan SPP mempunyai pengalaman memasarkan Kelantan Trade Centre.

### KIJANG KUARI SDN BHD

Pengeluaran kuari untuk tahun 2009 telah terjejas akibat kerja-kerja menaik taraf loji yang bermula pada Januari 2009 dan siap sepenuhnya pada Oktober 2009. Akibatnya, perolehan syarikat merudum kepada RM5.830 juta dari RM9.803 juta dalam tahun 2008, dan KKSJ mengalami kerugian hampir RM2.000 juta. Walaubagaimanapun, aktiviti pengeluaran dijangka akan meningkat lebih 100% hasil daripada penambahbaikan itu.

Bagi Kelmix pula, prestasi sepanjang tempoh 2009 telah mencatatkan perolehan tertinggi hasil daripada pembekalan bahan binaan konkrit ke projek-projek luaran mahupun dalaman.

*The Kelkon headquarters was officially relocated from the Kelantan Menteri Besar Corporation building at Jalan Kuala Krai to 8th Floor, Kelantan Trade Centre Office Building at Jalan Bayam, Kota Bharu on 1 November 2009.*

### SPP DEVELOPMENT SDN BHD

*The company's overall performance saw an increase of 24.8% in the accumulated net profits to RM4,673,885 in 2009 compared to the previous year. This was attributed by income from the sale of residential houses at Taman SPP Permai, Kota Warisan, Phase 2 and Taman SPP Indah.*

*Effective marketing and strategies were the important contributing factors during the year when the properties offered by the company received tremendous response at the Property Expo (MAPEX) where it registered total sales of RM3.5 million (20 units) within just four days.*

*The company was also actively looking for potential lands for development and had identified several locations such as Pantai Cahaya Bulan, Jalan Sri Cemerlang, Mukim Apam and Bandar Baru Tunjong. The current development trend in Kota Bharu focused on construction of apartments with the emergence of KB Sentral at Jalan Hamzah, Batuta Villa in Telipot and Madinatul Raudah at the site of the Kota Bharu Police Headquarters. The trend is a pattern of market demand that the company will explore in the future in view of its experience in marketing the Kelantan Trade Centre.*

### KIJANG KUARI SDN BHD

*Quarry production in 2009 was affected by plant upgrading works which started in January 2009 and was fully completed in October 2009. As a result, the company's revenue fell to RM5.830 million from RM9.803 in 2008 and KKSJ suffered a loss of about RM2.000 million. Nevertheless, production activities were expected to increase more than 100% following the upgrading.*

*Meanwhile, Kelmix's performance in 2009 recorded the highest earnings from the supply of concrete construction materials to both external and internal projects.*



## PROKEL MANAGEMENT SDN.BHD.

Prokel Management Sdn. Bhd. bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan bangunan untuk kesemua premis milik PKINK yang disewakan. Sepanjang 2009, keuntungan bersih sebelum cukai untuk syarikat ini ialah RM 89,783. Diantara aktiviti yang dilakukan ialah operasi kutipan sewa dan pencapaian kutipan sewa untuk tahun 2009 ialah RM 6977,028.50 dengan pencapaian 98.51% lebih tinggi daripada target kutipan oleh syarikat iaitu 90%.

## PROKEL MANAGEMENT SDN BHD

*Prokel Management Sdn Bhd is responsible for providing building management services for all rental premises owned by PKINK. In 2009, the company's net profit before tax was RM89,783. Its activities included rental collection operation, which resulted in rental collection of RM6,977,028.50 for the year or 98.51% which was higher than collection target of 90%.*



## SEKTOR PERKAYUAN *TIMBER*

### KOMPLEKS PERKAYUAN KELANTAN SDN. BHD.

Menjadi penjana aktiviti sektor perhutanan dan pembalakan secara aktif, KPK telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1,837,901 pada tahun 2009. Keuntungan ini adalah hasil penjualan balak, penjualan balak pukal dan penjualan kayu gergaji dengan keluasan kawasan kerja sebanyak 3335 ekar.

Diantara aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam tahun 2009 ialah:

- 1) Perpindahan Pejabat KPK Kota Bharu ke Pejabat KPK Kg. Stong.
- 2) Program "Brain Storming" dikalangan semua anggota KPK
- 3) Perlawanan Persahabatan Badminton Antara KPK dengan Jabatan Perhutanan Daerah Stong Kelantan Barat.
- 4) Majlis Berbuka puasa dan Hari Raya Aidil Fitri
- 5) Kursus Bina Insan anggota KPK
- 6) Perlawanan Persahabatan Futsal Antara KPK dengan Agro Bank
- 7) Pensijilan Chain-of-Custody untuk Produk Kayu Keluaran KPK Sdn. Bhd.

### KOMPLEKS PERKAYUAN KELANTAN SDN BHD

*The company, which generates forestry and logging sector activities, recorded a pre-tax profit of RM1,837,901 in 2009. The profit was derived from sale of timber, bulk timber and sawn timber from an area measuring 3,335 acres.*

*Some of the activities carried out in 2009 were:*

1. *Relocation of its Kota Bharu office to the Kampung Stong office*
2. *Brain storming programme among the company staff*
3. *Friendly badminton match between the company and the Forestry Department of Stong District, West Kelantan*
4. *Fast breaking ceremony and Hari Raya Aidil Fitri celebration*
5. *Personal Development Course for company personnel*
6. *Friendly futsal match between the company and Agro Bank*
7. *Chain of custody certification for KPK Sdn Bhd wood products*





## KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD

Dengan modal berbayar sebanyak RM4.200 juta, KPKB adalah syarikat induk kepada 3 buah syarikat lain iaitu Darulnaim Agro Management Industries Sdn. Bhd. (DAMAI), Murni Marketing Sdn. Bhd. (MMSB) dan KPKB Boer Breeding Sdn. Bhd. (KPKB BB SB).

Peranan utama KPKB ialah melaksanakan pembangunan sektor pertanian secara komersial dan menjadikan Kelantan sebagai Negeri Jelapang Makanan Negara serta menjadikan sektor pertanian sebagai Teras Pembangunan Ekonomi Negeri Kelantan.

Diantara aktiviti yang dilakukan oleh KPKB pada tahun 2009 ialah:

1. Pengeluaran Baja Padi di bawah Skim Subsidi Baja Padi Kerajaan Negeri Kelantan.
2. Mengusahakan projek ladang nukleus integriti kambing dan tanaman kontang seluas 20 ekar di Telong Bachok.
3. Projek nurseri dan fertigasi 'rock melon' seluas 2.5 ekar di Wakaf Zin, Bachok.
4. Projek ladang kontrak
  - Penanaman roselle seluas 30 ekar di Tawang, Bachok.
  - Pemulihan tanah padi terbiar secara berkelompok seluas lebih 30 ekar di Tumpat.
  - Penanaman sayur dan hortikultur seluas 70 ekar di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang.
5. Pembangunan Ladang Buah-buahan melalui Dusun Ladang Rakyat di Jeli, Relai dan Lojing oleh DAMAI
6. Menyediakan pusat jualan benih pokok buah-buahan dan bunga oleh DAMAI Sdn.Bhd.
7. Mengeluarkan minuman roselle dan produk berasaskan roselle jenama CRISTAL TM, melalui Murni Marketing Sdn Bhd
8. Menawarkan perkhidmatan kontrak pembuatan kepada pengusaha-pengusaha yang tiada kemudahan pemrosesan untuk mengeluarkan produk dibawah jenama sendiri.
9. Menjadi 'Projek Manager' dalam pembiakan dan pemasaran kambing baka boer seluas 80 ekar di Tanah Rizab Ragutan di Machang oleh KPKB Boer Breeding Sdn Bhd

## KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD

With a paid-up capital of RM4.200 million, KPKB is the parent company of three other companies, Darulnaim Agro Management Industries Sdn Bhd (DAMAI), Murni Marketing Sdn Bhd (MMSB) and KPKB Boer Breeding Sdn Bhd (KPKB BB SB).

The main role of the company is commercial development of the agricultural sector, making Kelantan the state supplying the nation's staple food and the agricultural sector as Kelantan's core economic development.

Some of the activities carried out by the company in 2009 were:

1. Production of paddy fertiliser under the Kelantan State Government Paddy Fertiliser Subsidy Scheme
2. Working on integrated nucleus goat farm and cash crop project covering 20 acres in Telong, Bachok.
3. Nursery and rock melon fertigation project on 2.5 acres of land in Wakaf Zin, Bachok.
4. Contract farm project
  - 30-acre roselle farm in Tawang, Bachok
  - Rehabilitation of more than 30 acres of abandoned clustered paddy field in Tumpat
  - Vegetable farming and horticulture on 70 acres of land in Lojing Highlands, Gua Musang
5. Development of orchard through the People's Orchard in Jeli, Relai and Lojing by DAMAI
6. Establishment of sale centres for fruit and flower seeds by DAMAI Sdn Bhd
7. Production of roselle drink and roselle based products under the CRISTAL TM brand name through Murni Marketing Sdn Bhd
8. Provision of manufacturing contract service to entrepreneurs who have no processing facilities to manufacture products under their own brand names
9. Project manager in the breeding and marketing of boer goats on 80 acres of grazing reserve land in Machang by KPKB Boer Breeding Sdn Bhd

### DARULNAIM AGRO MANAGEMENT INDUSTRIES SDN. BHD.

Syarikat ini berperanan untuk menjana pembangunan dan penjualan ladang buah-buahan yang dikenali sebagai Ladang Rakyat Dataran Rabuah serta menguruskan proses senggaraan ladang-ladang tersebut. Setakat ini DAMAI telah berjaya memajukan:

- 1) Ladang Rakyat Jeli
- 2) Ladang Rakyat Mukim Relai (116 lot)
- 3) Ladang Rakyat Lojing Fasa I (91 lot)
- 4) Ladang Rakyat Lojing Fasa II (95 lot)
- 5) Ladang Rakyat Lojing Fasa III (144 Lot)

Syarikat juga mempunyai sebuah tapak semaian di Pasir Mas yang bukan sahaja membekalkan pokok benih buah-buahan herba dan bunga-bunga, tetapi turut mempunyai kebun limau madu dan kelapa pandan.

Tanah-tanah pertanian milik syarikat di Lojing telah disewakan kepada penanam-penanam tempatan manakala ladang kelapa sawit di Relai telah dipajakkan kepada Syarikat Ladang Sg Terah Sdn Bhd.

Beberapa projek baru telah dirancang untuk dilaksanakan dalam tahun-tahun akan datang iaitu;

- i) Projek pembangunan estet wallet secara usahasama dengan syarikat Azcomi Birdnest Sdn. Bhd di Mukim Apam, Pasir Mas.
- ii) Projek Pembangunan bijih besi secara usahasama dengan Syarikat Juta Wirama Snd. Bhd. di kawasan Ladang Rakyat Jeli.

### DARULNAIM AGRO MANAGEMENT INDUSTRIES SDN BHD

*The company is responsible for the development and sale of fruit farms known as Rabuah Plain People's Farm and management of farm maintenance. To date, DAMAI has developed:*

- 1) Jeli People's Farm
- 2) Mukim of Relai People's Farm (116 lots)
- 3) Lojing People's Farm, Phase I (91 lots)
- 4) Lojing People's Farm, Phase II (95 lots)
- 5) Lojing People's Farm, Phase III (144 lots)

*The company also owns a nursery in Pasir Mas which not only supplies herbal and flower seeds but also has a honey orange and pandan cocanut farm.*

*The company's agricultural lands in Lojing were rented out to local farmers while the oil palm plantation in Relai was leased out to Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd.*

*Several new projects were planned for implementation in the coming years:*

- i) *Swiftlet estate development project in a joint venture with Azcomi Birdnest Sdn Bhd in Mukim of Apam, Pasir Mas*
- ii) *Iron ore development project in a joint venture with Syarikat Juta Wirama Sdn Bhd in the Jeli People's Farm*









**PERDANA RESORT SDN BHD**

Dalam memastikan kesinambungan operasi Perdana Resort, penekanan dalam aspek produk, aktiviti, pesona dan aturcara pelancongan dititik beratkan untuk menarik minat pelancong disamping tarikan sosiobudaya dan imej tempatan yang unik.

Justeru itu, beberapa pendekatan telah dilakukan seperti:

1. Pendekatan konsep 1Resort yang memotivasi dan menyedarkan warga kerja Perdana Resort tentang pentingnya budaya kerja berpasukan. Ini adalah salah satu cara untuk memupuk semangat kerjasama, tolong menolong dan saling bantu membantu disamping memupuk rasa sayang untuk bersama-sama membangunkan organisasi.
2. Penubuhan Ahli Jawatankuasa Bertindak seperti Jawatankuasa Kemas Bilik, Jawatankuasa Penyelenggaraan, Jawatankuasa Jualan, Jawatankuasa Landskap, Jawatankuasa Keselamatan, Jawatankuasa Disiplin, Jawatankuasa Servis, Jawatankuasa Sukan, Jawatankuasa Musalla dan Jawatankuasa Gotong Royong.
3. Melakukan aktiviti gotong royong yang dilakukan pada setiap hari minggu samada secara rasmi atau secara sukarela bermula bulan Julai 2009. Setiap jabatan juga mengadakan aktiviti-aktiviti dikalangan anggota mereka silih berganti mengikut keperluan.

**PERDANA RESORT SDN BHD**

*To ensure operational continuity of the Perdana Resort, the emphasis was on tourism products, activities, attractions and programmes in addition to the unique local socio-culture and image to attract tourists. A number of approaches were carried out:*

1. *Application of 1Resort concept which motivated and created awareness among Perdana Resort personnel of the importance of teamwork. This was one of the means to inculcate the spirit of cooperation apart from instilling loyalty to work together in developing the organisation.*
2. *Setting up of committees such as the Room Cleaning Committee, Maintenance Committee, Sale Committee, Landscaping Committee, Security Committee, Disciplinary Committee, Service Committee, Sports Committee, Religious Committee and Community Cooperation Committee*
3. *Conducting communal activities at weekends either officially or voluntarily starting from July 2009. Each department also held activities for its personnel on a rotational basis according to requirements.*





## PERDANA SUPERBOWL SDN BHD

Walaupun PSSB bukan lagi merupakan pusat bowling yang tunggal di Kelantan, dengan wujudnya dua lagi pusat bowling di pusat-pusat membeli-belah utama di Kota Bharu, PSSB terus mendapat tempat bagi jabatan-jabatan Kerajaan, persatuan dan kelab-kelab bagu menganjurkan kejohanan bowling samada di peringkat sekolah, jabatan, negeri mahupun kebangsaan.

Antara kejohanan yang diadakan di Perdana Superbowl ialah Kejohanan SUK, Kejohanan USM Kubang Kerian, Kejohanan JKR Bachok dan Kejohanan TNB.

PSSB juga menjadi pusat latihan rasmi kepada pemain-pemain yang melakukan persediaan untuk menyertai kejohanan peringkat negeri atau kebangsaan. Disamping itu, operasi perniagaan bowling ini terbuka kepada orang ramai dan terus mendapat sambutan kerana harganya yang kompetitif serta mampu bersaing dengan pusat bowling lain di Kelantan.

## PERDANA SUPERBOWL SDN BHD

*Although PSSB is no longer the sole bowling centre in Kelantan with the existence of two more similar centres in the major Kota Bharu shopping malls, it continues to be the preference of government departments, associations and clubs in the organisation of bowling tournaments at school, departmental, state or national level.*

*Some of the championships held at the Perdana Superbowl were SUK Championship, USM Kubang Kerian Championship, Bachok PWD Championship and TNB Championship.*

*PSSB is also an official training centre for sportspersons preparing for state and national championships. In addition, the bowling business operation is open to the public and continues to attract people owing to its competitive prices and ability to compete with other bowling centres in Kelantan.*



**KELSTONE SDN BHD**

Operasi Kelstone tertumpu kepada 2 aktiviti utama pada tahun 2009 iaitu:

- i) Perlombongan Emas Aluvial di Sungai Galas, Gua Musang. Operasi melombong Emas Aluvial ini bermula pada Mac 2009 menggunakan kaedah palong secara 'open pit' dan dihentikan pada Jun 2009 buat sementara waktu. Ini berikutan rezab emas di sekitar tebing sungai tidak ekonomik untuk dikerjakan. Sebanyak 5,737 gram bijih emas yang berjaya diperolehi sepanjang 4 bulan operasi lombong.
- ii) Projek Perlombongan Felspar dijalankan secara usahasama dengan sebuah syarikat dari Australia iaitu Austral Malaysian Mining Limited. Operasi ini dilakukan secara aktif bermula pertengahan Mac 2009 dengan kadar purata pengeluaran sebanyak 5,000MT. Bijih felspar juga dikenali tanah putih, banyak digunakan dalam industri seramik, sebagai bahan asas pembuatan jubin lantai serta produk-produk pharmaceutical.

**KELSTONE SDN BHD**

*Kelstone operations focused on 2 main activities in 2009:*

- i) Alluvial gold mining in Sungai Galas, Gua Musang which started in March 2009 using the open pit sluice method. Mining was temporarily halted in June 2009 as the gold reserve around the river bank was found to be uneconomical for mining purposes. A total of 5,737 grams of gold ore was mined during the four months the mine was in operation.*
- ii) Feldspar mining project conducted in collaboration with an Australian company, Austral Malaysian Mining Limited. Operations were actively carried out from March 2009 with an average production rate of 5,000MT. The feldspar ore is also known as white soil which is widely used in the ceramic industry as a basic material to produce floor tiles and pharmaceutical products.*







**PERISTIWA KORPORAT**  
*CORPORATE EVENT*

1 Januari 2009  
Perutusan Tahun Baru  
Ketua Eksekutif PKINK



8 Januari 2009  
Ceramah Kekejaman Israel di  
Bumi Palestin oleh  
Tuan Haji Azmi Abd. Hamid  
Presiden TERAS Malaysia.



31 Januari 2009  
Program berakit  
menyusuri Sungai Merah,  
Gua Musang sepanjang 25 km



3 Februari 2009  
Lawatan SIRIM  
ke Kilang Makanan Halal  
Perigkalan Chepa 2







8 Februari 2009  
Dato' Harun Din Al-Hafiz  
menyampaikan tazkirah  
kepada anggota Kumpulan



16 Februari 2009  
Seminar Integriti kepada ang-  
gota Kumpulan PKINK



17 Februari 2009  
Majlis Silaturahmi antara  
anggota Pengurusan PKINK  
dengan Pegawai Tadbir Negeri  
Kelantan, di Perdana Resort,



24 Februari 2009  
Perlawanan bolasepak  
persahabatan antara Pegawai  
PKINK dengan Ahli Dewan  
Undangan Negeri Kelantan



23 - 25 Februari 2008  
Kursus Keusahawanan  
untuk bakal pesara di  
Paloh Inn, Kota Bharu.



2 Mac 2009  
Majlis Sambutan Perlantikan  
Pegawai-Pegawai Syarikat  
PKINK bagi tahun 2009 di  
Perdana Resort, Kota Bharu.



5 Mac 2009  
PKINK sertai Pesta Sukan Rakyat  
Keputeraan Peringkat Jajahan  
Kota Bharu, di Padang  
Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu.



8 Mac 2009  
PKINK mendapat Sijil 5S yang  
disampai YB Dato' Seri Setia  
Raja Setiausaha Kerajaan  
Negeri Kelantan.







15 Mac 2009  
Sambutan Maulidurrasul  
peringkat Kumpulan PKINK



17 Mac 2009  
PKINK sumbang komputer riba  
kepada pelajar cemerlang SPM  
2008, Nik Nor Madihah Nik  
Mohamad Kamal



22 Mac 2009  
Hari Keluarga Kumpulan PKINK  
diadakan di Perdana Resort,  
Kota Bharu



26 Mac 2009  
Majlis pelancaran WiFi Aptus Net  
dan Blog YAB Tuan Guru  
Dato' Bentara Setia  
Menteri Besar Kelantan



26 April 2009  
Lawatan Korporat PKINK yang di  
ketuai Ketua Eksekutif PKINK ke  
Ladang Rakyat Lubok Bongor



1 - 2 Mei 2009  
PKINK sertai Ekspo Sua Rasa  
TV9 di Kelantan



5 - 10 Mei 2009  
PKINK sertai MIHAS 2009 di  
Pusat Pameran dan konvensyen  
MATRADE, Kuala Lumpur.



17 Mei 2009  
Kursus mengendali blog kepada  
pengurusan PKINK







11 Mei 2009  
YB Dato' Haji Husam Musa  
lancar Kod Etika Anggota  
Perkhidmatan Awam Negeri  
Kelantan peringkat PKINK



25 - 26 Mei 2009  
Bengkel Penyediaan  
rancangan Perniagaan



31 Mei 2009  
Ketua Pegawai Eksekutif  
SMIDEX, Dato' Hafsa Hashim  
kurungi kilang halal hub di  
Pengkalan Chepa.



3 - 5 Jun 2009  
PKINK mengkoordinasi  
penyertaan pengusaha yang  
terpilih ke pameran SMIDEX  
2009 di KLCC

13 Jun 2009  
Mesyuarat Agung Koperasi  
PKINK kali ke 27 di Perdana  
Resort, Kota Bharu.



15 Jun 2009  
Ceramah kesihatan  
mengenai penularan penyakit  
Influenza A (H1N1)



20 Jun 2009  
Pemilihan wakil Majlis Bersama  
Jabatan (MBJ) untuk  
anggota PKINK



22 Jun 2009  
Ceramah Wanita Bahagia  
Keluarga Selesa oleh  
Ustazah Asni Mansor







10 Julai 2009  
Sertai program Bertani Satu Ibadat Peringkat Jajahan Kuala Krai yang diadakan di Padang Majlis Daerah Dabong, Manek Urai



22 Julai 2009  
Majlis Pecah Tanah Pembangunan Bandar Baru Rantau Panjang Fasa 2 oleh YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan



23 - 29 Julai 2009  
PKINK sertai Hari Peladang, Penternak & Nelayan Peringkat Negeri Kelantan di Perkarangan Stadium Sultan Muhammad ke IV



3 Ogos 2009  
Seminar Pengurusan Organisasi untuk Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi Kumpulan PKINK di Kelantan Trade Centre.



10 Ogos 2009  
Perlawanan bolasepak antara  
Anggota Pengurusan dan  
Sokongan PKINK



11 - 12 Ogos 2009  
Kursus Bahasa Inggeris "Super  
Spiritual English Question"  
oleh Mega Genius Training &  
consultancy di Perdana Resort.



14 Ogos 2009  
14 orang Ahli Yang Berhormat  
Dewan Perwakilan Rakyat Aceh  
mengunjungi PKINK



10 - 16 Ogos 2009  
PKINK turut serta pameran dan  
ekspo sempena Hari Peladang,  
Pentamak dan Nelayan Peringkat  
Kebangsaan di MITC, Melaka







17 Ogos 2009  
PKINK sumbang rumah kepada  
pelajar Cemerlang SPM 2008  
Nik Nor Medihah Nik Mohamad  
Kamal



19 Ogos 2009  
Lawatan kerja PKINK ke  
Universiti Malaysia Kelantan  
(UMK)



19 Ogos 2009  
Seminar peluang-peluang  
pemiagaan kepada anggota  
Kumpulan PKINK



20 Ogos 2009  
Diskusi buku "Solat,  
Kebaikan Dari Perspektif Sains"  
oleh Ustaz Azhar Abdullah  
dari KIAS

29 - 30 Ogos 2009  
PKINK sertai Program Ihya  
Ramadhan dan Ramah Mesra  
bersama orang asli di Pos Beliar,  
Gua Musang, anjuran Jabatan Hal  
Ehwal Agama Islam Kelantan



30 Ogos 2009  
Majlis Berbuka Puasa dan Tadarus  
Al-Quran bersama YAB Tuan Guru  
Dato' Bentara Setia Hj. Nik Abd.  
Aziz Hj. Nik Mat, di Surau PKINK.



31 Ogos 2009  
PKINK sertai Sambutan hari  
Kemerdekaan Peringkat  
Negeri Kelantan



2 September 2009  
Majlis Iftar dan Infaq di  
Institut Pendidikan Tahfiz  
al-Balaghul Mubin, Pasir Mas.







10 September 2009  
Majlis Iftar dan Infaq di Baitu  
Taubah, Pasir Puteh



14 September 2009  
PKINK sumbang RM30,000  
kepada golongan armalah yang  
memerlukan



14 September 2009  
Ceramah sempena sambutan  
Nuzul Al-quran



16 September 2009  
Sumbang hamper hari raya  
untuk anggota PKINK dan juga  
bantuan kepada balu pesara  
serta anak kurang upaya  
anggota PKINK



16 September 2009  
Ceramah Lailatul Qadar oleh  
Ustaz Mohd Asri Daud dari KIAS



27 September 2009  
Bilik gimnasium di Bangunan  
PKINK mula dibuka kepada  
anggota Kumpulan PKINK



3 - 11 Oktober 2009  
PKINK serta ekspo Kenali  
Kelantan di Negeri Sembilan



5 Oktober 2009  
PKINK terima kunjungan  
rombongan dari Perbadanan  
Kemajuan Negeri Kedah







15 Oktober 2009  
Kumpulan PKINK sumbang  
RM408,000 kepada Tabung  
Serambi Mekah



15 Oktober 2009  
Lawatan ke tapak projek Medan  
Ikan Bakar Kg. Siti Mani, Buluh  
Kubu, oleh Unit Penyelaras (ICU),  
JPM



19 Oktober 2009  
Sambutan Hari Raya anggota  
PKINK



13 - 14 November 2009  
Kejohanan Kerom Terbuka Piala  
Ketua Eksekutif PKINK

25 November 2009  
Ceramah Ibadat Korban oleh Ustaz  
Tuan Mohd Saripuddin Tuan Ismail  
dari Pusat Pengajian  
Pondok Kandis, Bachok



23 Disember 2009  
Kursus Pengurusan  
Kewangan Siri 2 oleh Pegawai  
Pembangunan Negeri,  
Pejabat SUK Kelantan  
Che Azi Rahimi Mohamed



26 Disember 2009  
Gotong Royong Perdana 5S PKINK



29 Disember 2009  
Lawatan pra audit oleh MPC  
Kelantan, dalam usaha pensijilan  
semula 5S di PKINK








**MAKLUMAT OPERASI & KEWANGAN**  
*FINANCIAL & OPERATION INFORMATION*

**KUMPULAN PKINK/*KSEDC GROUP***  
**(Perbandingan 2008-2009: Pendapatan)**  
*(Comparison 2008-2009: Income)*




**PERBADANAN/*CORPORATION***  
**(Perbandingan 2008-2009: Pendapatan)**  
*(Comparison 2008-2009: Income)*






**PERBADANAN/*CORPORATION***

**(Perbandingan 2008-2009: Perbelanjaan Mengurus)**  
*(Comparison 2008-2009: Operating Expenditures)*




**KUMPULAN PKINK/*KSEDC GROUP***


**(Perbandingan 2008-2009: Perbelanjaan Mengurus)**  
*(Comparison 2008-2009: Operating Expenditures)*



## KUMPULAN PKINK 2008 (Sumbangan Sektor Kpd Pendapatan)




## KUMPULAN PKINK 2009 (Sumbangan Sektor Kpd Pendapatan)





**KUMPULAN PKINK/KSEDC GROUP**  
**(Perbandingan Prestasi 2008-2009)**  
**(Comparative Performance 2008-2009)**



**PERBADANAN/CORPORATION**  
**(Perbandingan Prestasi 2008-2009)**  
**(Comparative Performance 2008-2009)**





**PENYATA KEWANGAN**  
*FINANCIAL STATEMENT*





**Jabatan Audit Negara**  
Malaysia

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009

KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan pada 31 Disember 2009, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan



penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai Penyata Kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan Penyata Kewangan yang disatukan.



**( DATO' HAJI ANWARI BIN SURI )**  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
11 OKTOBER 2010




**PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN**

**PENYATA OLEH PENGARAH**

"Kami **YAB TUAN GURU DATO' BENTARA SETIA HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN HAJI NIK MAT** dan **YB DATO' HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT** yang merupakan dua orang daripada Ahli Lembaga **PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat ahli lembaga, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Aliran Tunai Perbadanan dan Kumpulan yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Perbadanan dan Kumpulan pada 31 Disember 2009.

Bagi Pihak Lembaga :

  
**YAB TUAN GURU DATO' BENTARA SETIA HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT**

  
**YB DATO' HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT**

}  
PENGARAH

Bertarikh : 6 JUN 2010  
KOTA BHARU



PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

AKUAN BERKANUN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, **HAJI MOHD SABRI BIN ABDULLAH (KP: 530502-03-5069)** beralamat di **PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, dengan tulus ikhlas dan sesungguhnya menyatakan bahawa Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai adalah, pada sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan membuat pengisytiharan ini dengan kepercayaan sesungguhnya ianya adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas iaitu

**HAJI MOHD SABRI BIN ABDULLAH**

Di Kota Bharu

Di Negeri Kelantan

Pada \_\_\_\_\_ hari bulan 16 JUN 2010

20\_\_\_\_

di hadapan saya,

2531-B, Tingkat Satu,  
Jalan Padang Garong,  
15000 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel/Fax: 05-7486438

(Tandatangan Pendaftar, Mahkamah Sesyen/  
Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah)



PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2009

	Nota	KUMPULAN		PERBADANAN	
		2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
<b>Aset bukan semasa</b>					
Hartanah, loji dan peralatan	3	278,571,118	258,069,498	61,984,712	64,286,878
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	4	1	1	80,053,821	80,053,821
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	5	3,074,758	1,362,737	7,740,000	7,740,000
Pinjaman oleh syarikat subsidiari	6	-	-	1,393,920	1,393,920
Lain-lain pelaburan	7	4,914,993	2,218,970	21,004	32,590
Perbelanjaan penanaman	8	113,566,916	85,652,082	-	-
Tanah untuk pembangunan	9	33,236,040	24,975,377	15,904,729	8,817,567
		<b>433,363,026</b>	<b>372,278,665</b>	<b>187,098,186</b>	<b>182,324,776</b>
<b>Aset semasa</b>					
Pinjaman oleh syarikat subsidiari	6	-	-	20,812,128	21,541,161
Stok	10	47,350,716	55,357,788	31,260,010	36,079,647
Kerja dan tanah dalam pembangunan		69,994,771	67,607,551	23,599,177	32,846,596
Penghutang dagangan	11	136,455,831	72,562,680	26,277,045	17,566,320
Peibagai perhutang	12	50,265,939	57,205,441	-	-
Peibagai perbelanjaan terdahulu	13	523,831	212,220	523,831	212,220
Pertaruhan dan deposit	14	42,481	42,481	42,481	42,481
Pinjaman oleh kakitangan	15	1,344,195	1,242,660	1,344,195	1,242,660
Jumlah terhutang oleh syarikat subsidiari	4	-	-	99,589,255	84,312,562
Jumlah terhutang oleh syarikat bersekutu	5	56,175	673,467	-	656,900
Simpanan berjangka, wang di bank dan ditangan	16	54,424,325	66,985,346	11,229,289	16,870,474
<b>Jumlah Aset Semasa</b>		<b>360,458,264</b>	<b>321,888,634</b>	<b>214,677,411</b>	<b>210,371,021</b>
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>793,822,090</b>	<b>694,168,299</b>	<b>401,775,597</b>	<b>392,695,797</b>



## PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

## LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2009(samb)

	Nota	KUMPULAN		PERBADANAN	
		2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
<b>Liabiliti semasa</b>					
Pemiutang perdagangan		36,867,711	21,009,441	1,065,318	-
Terhutang kepada pelanggan konfrak		2,028,212	-	-	-
Pelbagai pemiutang		42,693,081	37,841,674	1,711,915	1,498,494
Jumlah terhutang kepada kerajaan negeri	17	12,849,126	11,028,233	12,849,126	11,028,233
Pertaruhan dan pendahukan diterima		17,673,048	18,223,557	17,673,048	17,888,668
Pinjaman kerajaan pusat	18	28,096,668	18,731,112	28,096,668	18,731,112
Pinjaman kerajaan negeri	19	24,524,496	26,524,496	24,524,496	26,524,496
Peruntukan cukai		(4,339,300)	(969,739)	(4,937,527)	(2,840,785)
Overdraif bank	20	25,663,597	4,825,763	-	-
Pemiutang sewabeli	21	8,236,565	13,188,103	-	-
Pinjaman berjangka	22	36,232,520	15,844,632	-	272,850
Dividen dicadangkan		-	2,048,500	-	-
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>		<b>230,525,724</b>	<b>168,093,772</b>	<b>80,983,044</b>	<b>72,903,088</b>
<b>Dibiayai oleh:</b>					
Sumbangan kerajaan	23	1,400,000	1,400,000	1,400,000	1,400,000
Rezab	24	225,333,907	196,086,313	67,652,949	64,885,278
		<b>227,733,907</b>	<b>197,486,313</b>	<b>69,052,949</b>	<b>66,285,278</b>
<b>Liabiliti bukan semasa</b>					
Liabiliti cukai tertunda	25	11,742,188	10,012,105	269,278	269,278
Pinjaman kerajaan pusat jangka panjang	18	213,843,221	222,369,647	213,843,221	222,369,647
Pemiutang sewabeli	21	21,056,123	18,421,602	-	-
Pinjaman berjangka	22	41,851,305	36,894,954	2,656,417	2,656,417
Geran diterima		34,970,688	28,212,089	34,970,688	28,212,089
Kepentingan minoriti		10,177,408	10,785,586	-	-
Ganjaran persaraan	26	1,919,526	2,092,231	-	-
		<b>563,296,366</b>	<b>528,074,527</b>	<b>320,792,553</b>	<b>319,792,709</b>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<b>793,822,090</b>	<b>694,168,299</b>	<b>401,775,597</b>	<b>392,695,797</b>

**PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN  
PENYATA PENDAPATAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

	Nota	KUMPULAN		PERBADANAN	
		2009 RM	2008 RM	2009 RM	2008 RM
Hasil	27	213,678,868	224,302,038	24,517,557	15,933,110
Kos jualan		(130,503,504)	(155,856,409)	(8,246,380)	(2,426,064)
Untung kasar		83,175,364	68,445,629	16,271,177	13,507,046
Belanja mengurus dan kendalian	28	(66,483,087)	(67,742,473)	(18,035,085)	(19,122,391)
Lain-lain pendapatan	29	7,921,177	22,609,082	6,738,224	3,810,210
Keuntungan/(kerugian) kasar dari operasi		24,613,454	23,312,238	4,974,316	(1,805,135)
Belanja kewangan	30	(3,378,259)	(3,473,469)	(1,135,486)	(1,096,695)
Perkongsiari keuntungan syarikat bersekutu		1,712,023	-	-	-
<b>Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai</b>		<b>22,947,218</b>	<b>19,838,769</b>	<b>3,838,830</b>	<b>(2,901,830)</b>
Cukai	31	(5,490,458)	(13,409,545)	(934,958)	-
<b>Keuntungan/(kerugian) selepas cukai</b>		<b>17,456,762</b>	<b>6,429,224</b>	<b>2,903,872</b>	<b>(2,901,830)</b>
Kepentingan minoriti		(118,141)	(350,183)	-	-
<b>Keuntungan/(kerugian) bersih bagi tahun semasa</b>		<b>17,338,621</b>	<b>6,079,041</b>	<b>2,903,872</b>	<b>(2,901,830)</b>

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

	Sumbangan Kerajaan	Keuntungan terkumpul	Rezab penilaian semula	Simpanan modal	Premium syer	Jumlah
KUMPULAN	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<b>Baki pada 1 Januari 2008</b>						
Baki seperti dinyatakan sebelum pelarasan	1,400,000	78,447,083	119,281,151	611,672	169,227	199,808,143
Pelarasan tahun terdahulu	-	(3,471,957)	-	-	-	(3,471,957)
<b>Baki pada 1 Januari 2008 (dinyatakan semula)</b>	<b>1,400,000</b>	<b>74,975,126</b>	<b>119,281,151</b>	<b>611,672</b>	<b>169,227</b>	<b>196,437,186</b>
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	6,079,041	-	-	-	6,079,041
Pengurangan pada tahun semasa	-	-	(3,019,914)	-	-	(3,019,914)
Dividen	-	(2,010,000)	-	-	-	(2,010,000)
<b>Baki pada 31 Disember 2008</b>	<b>1,400,000</b>	<b>79,044,177</b>	<b>116,261,237</b>	<b>611,672</b>	<b>169,227</b>	<b>197,486,313</b>
<b>Baki pada 1 Januari 2009</b>						
Baki seperti dinyatakan sebelum pelarasan	1,400,000	79,044,177	116,261,237	611,672	169,227	197,486,313
Pelarasan tahun terdahulu	-	1,873,799	-	-	-	1,873,799
<b>Baki pada 1 Januari 2009 (dinyatakan semula)</b>	<b>1,400,000</b>	<b>80,917,976</b>	<b>116,261,237</b>	<b>611,672</b>	<b>169,227</b>	<b>199,360,112</b>
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	17,338,621	-	-	-	17,338,621
Penambahan pada tahun semasa	-	-	11,035,174	-	-	11,035,174
<b>Baki pada 31 Disember 2009</b>	<b>1,400,000</b>	<b>98,256,597</b>	<b>127,296,411</b>	<b>611,672</b>	<b>169,227</b>	<b>227,733,907</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini



**PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN  
PENYATA PERUBAHAN EKUITI (SAMB.)  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

PERBADANAN	Sumbangan	Keuntungan	Jumlah
	Kerajaan	Terkumpul	
	RM	RM	RM
<b>Baki pada 1 Januari 2008</b>			
Baki seperti dinyatakan sebelum perlarasan	1,400,000	71,259,065	72,659,065
Perlarasan tahun terdahulu	-	(3,471,957)	(3,471,957)
<b>Baki pada 1 Januari 2008 (dinyatakan semula)</b>	1,400,000	67,787,108	69,187,108
Kerugian bersih bagi tahun semasa	-	(2,901,830)	(2,901,830)
<b>Baki pada 31 Disember 2008</b>	1,400,000	64,885,278	66,285,278
<b>Baki pada 1 Januari 2009</b>			
Baki seperti dinyatakan sebelum perlarasan	1,400,000	64,885,278	66,285,278
Perlarasan tahun terdahulu	-	(136,201)	(136,201)
<b>Baki pada 1 Januari 2009 (dinyatakan semula)</b>	1,400,000	64,749,077	66,149,077
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	-	2,903,872	2,903,872
<b>Baki pada 31 Disember 2009</b>	1,400,000	67,652,949	69,052,949

**PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

	KUMPULAN		PERBADANAN	
	2009	2008	2009	2008
	RM	RM	RM	RM
<b>Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti operasi</b>				
Keuntungan / (Kerugian) sebelum cukai dan kepentingan minoriti	22,947,218	19,838,769	3,838,830	(2,901,830)
Pejarasan untuk:				
Bahagian keuntungan syarikat bersekutu	(1,712,023)	-	-	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	13,308,921	10,345,392	2,942,555	2,318,811
Keuntungan jualan hartanah, loji dan peralatan	(560,023)	(8,799,970)	(415,567)	(455,469)
Keuntungan pelaburan	(612,216)	-	(334,646)	-
Perbelanjaan faedah	103,948	2,695,468	103,946	1,096,695
Hutang lapuk dan hutang ragu pulih semula	(21,172)	(2,370,567)	-	(2,357,953)
Peruntukan rosotnilai saham pulih kembali	32,613	(558,685)	-	-
Peruntukan hutang ragu	614,114	2,137,196	-	1,582,667
Hapuskira hutang ragu	-	994,682	-	-
Faedah pinjaman	2,793,627	608,232	1,030,255	(96,147)
Faedah diterima	(665,759)	756,694)	(477,120)	-
Diskaun diterima	-	-	-	-
Dividen diterima	(419,845)	-	(4,886,319)	-
Kesan dari subsidiari yang tidak disatukan	-	(2,674,862)	-	-
Pelunasan perbelanjaan penamaan	1,552,945	1,310,060	-	-
Pelunasan geran kerajaan	-	(372,815)	-	(372,815)
Peruntukan rosotnilai pelaburan	11,586	365,678	11,586	-
Keuntungan kendalian sebelum perubahan dalam modal kerja	<b>37,373,932</b>	22,761,884	<b>1,813,520</b>	(1,186,041)
(Peningkatan)/penurunan dalam siberhutang	(47,212,989)	(3,141,678)	(23,901,946)	9,901,405
Penurunan/peningkatan) dalam stok	23,771,867	22,222,068	4,819,637	(9,022,418)
Penurunan dalam kerja dalam pembangunan	(3,410,853)	12,248,297	2,160,257	11,570,634
Peningkatan/penurunan) dalam dalam siputang	10,201,193	5,771,257	10,465,188	(2,552,781)
Tunai dijana dari aktiviti operasi	<b>20,773,170</b>	59,862,648	<b>(4,543,344)</b>	8,710,799

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

**PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMB.)  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

	KUMPULAN		PERBADANAN	
	2009	2008	2009	2008
	RM	RM	RM	RM
Cukai dibayar	(8,008,679)	(5,474,062)	(3,031,700)	(2,560,000)
Faedah diterima	620,045	448,583	-	89,990
Faedah dibayar	(1,241,738)	(1,439,468)	(294,379)	(230,590)
Tunai bersih dijana dari/digunakan dalam aktiviti-aktiviti operasi	<b>12,142,796</b>	<b>53,397,901</b>	<b>(7,969,423)</b>	<b>6,010,199</b>
<b>Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan</b>				
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(36,375,016)	(24,741,185)	(6,884,290)	(1,041,912)
Faedah diterima	593,771	230,973	477,120	-
Dividen diterima	4,886,319	-	4,886,319	-
Terimaan daripada jualan hartanah, loji dan peralatan	113,750	32,090,598	113,750	5,860,527
Tunai bersih dari subsidiari yang tidak disatukan	-	(2,471)	-	-
Perbelanjaan penamaan	(17,337,428)	(8,499,060)	-	-
Kurangan dalam simpanan tetap yang dicagar	4,609,484	1,833,452	2,998,551	-
Perbelanjaan pembangunan	(3,017,888)	(17,754,993)	-	(16,082,991)
Pelaburan simpanan tetap	80,000	-	-	-
Pelaburan dalam lain-lain pelaburan	-	(4,870,042)	-	-
Penerimaan pelaburan dana	71,988	70,981	-	-
Pendahuluan kepada syarikat subsidiari	-	-	(4,492,732)	(490,000)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(46,375,020)	(21,641,747)	(2,901,282)	(11,764,376)
<b>Aliran tunai dari aktiviti pembiayaan</b>				
Terimaan dari pinjaman berjangka	18,000,000	6,356,225	-	3,449,307
Bayaran kepada pemegang sewabeli	(1,096,218)	(384,925)	-	-
Bayaran balik pinjaman kerajaan negeri	(2,000,000)	(5,000,000)	(2,000,000)	(5,000,000)
Bayaran balik pinjaman berjangka	(12,508,680)	(15,686,990)	(272,851)	(3,725,697)
Bayaran kepada kerajaan negeri	-	(444,270)	-	(444,270)
Terimaan dari bayaran balik pendahuluan syarikat subsidiari	-	-	1,575,371	21,038,304
Terimaan dari geran kerajaan	7,227,000	5,193,700	7,227,000	5,193,700
Bayaran dividen	(4,079,250)	(2,000,000)	-	-
Tunai bersih dijana dari / (digunakan dalam) aktiviti pembiayaan	5,542,852	(11,966,260)	6,529,520	20,511,344
<b>(Pengurangan)/Penambahan bersih dalam tunai dan persamaan tunai</b>	<b>(28,679,370)</b>	<b>19,789,894</b>	<b>(4,341,185)</b>	<b>14,757,168</b>
<b>Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun</b>	<b>57,139,310</b>	<b>37,349,416</b>	<b>15,570,474</b>	<b>813,306</b>
<b>Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun</b>	<b>28,459,940</b>	<b>57,139,310</b>	<b>11,229,289</b>	<b>15,570,474</b>



**PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**

**1. AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT AM**

Perbadanan telah ditubuhkan di bawah Enakmen negeri dengan tujuan membangunkan sosio ekonomi Negeri berdasarkan kepada Dasar Ekonomi Baru. Kegiatan utama PKINK adalah memajukan bandar dan pekan baru, membangunkan tanah-tanah untuk tujuan perindustrian, pertanian, hartanah dan pelaburan saham.

Kegiatan utama syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu adalah seperti yang dinyatakan di Nota 4 dan 5 kepada penyata kewangan ini.

Alamat pejabat berdaftar dan alamat perniagaan Perbadanan adalah di Tingkat 9-11, Bangunan PKINK, Peti Surat 142, Jalan Tengku Maharani, 15710 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

Penyata kewangan ini telah disediakan di dalam matawang Ringgit Malaysia.

Penyata kewangan ini telah dilulus untuk diterbitkan oleh Ahli Lembaga Perbadanan pada 16 Jun 2010.

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**

**(a) Asas Perakaunan**

Penyata kewangan telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan diubahsuai dengan penilaian semula tanah dan bangunan. Penyediaan penyata kewangan ini adalah mematuhi piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

**(b) Asas Penyatuan**

Penyata kewangan Kumpulan menyatukan penyata kewangan Perbadanan dan syarikat-syarikat subsidiari yang disediakan hingga akhir tahun kewangan kecuali untuk penyata kewangan syarikat subsidiari seperti dinyatakan di Nota 4 kepada penyata kewangan.

Urusniaga di antara syarikat-syarikat subsidiari dengan Perbadanan telah dihapuskan semasa penyatuan dan penyata kewangan disatukan hanya mencerminkan urusniaga dengan pihak ketiga sahaja. Perbezaan di antara kos pelaburan dan nilai asas bersih syarikat subsidiari diambilkira di dalam lembaran imbalan disatukan sebagai muhibbah atau rezab dari penyatuan.

Syarikat subsidiari adalah syarikat di mana Perbadanan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas dasar-dasar kewangan dan operasi untuk mendapatkan faedah daripada aktiviti syarikat tersebut.

**(c) Syarikat Bersekutu**

Syarikat bersekutu adalah syarikat dimana Perbadanan mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang antara 20% hingga 50% dan mengambil peranan penting didalam menentukan dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu itu.

**(d) Harta, Loji dan Peralatan dan Susutnilai**

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos dan penilaian semula ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian atas rosotnilai aset. Susutnilai tidak diperuntukkan bagi tanah milik bebas dan tanah pajakan kerana kos tanah tersebut akan dijadikan sebahagian dari kos projek.

Bagi hartanah, loji dan peralatan yang lain, susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan harta berkenaan. Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:

	%
Bangunan	2
Ubahsuai	10
Peralatan komputer	33 1/3
Loji, jentera dan alatan besar dan kelengkapan	15
Alatan pejabat	20
Kenderaan	20
Lain-lain harta	20

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Penilaian semula ke atas tanah dan bangunan milik salah satu syarikat subsidiari, Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd dibuat sekurang-kurangnya setiap lima tahun sekali oleh jurunilai profesional bebas berdasarkan nilai pasaran terbuka. Sebarang pertambahan dari penilaian dikreditkan kepada lebih penilaian semula, sebarang pengurangan akan diselaraskan dengan pertambahan dari penilaian awal bagi kategori hartanah, loji dan peralatan yang sama dan selebihnya dikenakan kepada penyata pendapatan.

Pihak Syarikat telah melakukan penilaian pertama ke atas tanah dan bangunan miliknya di dalam tahun 2000 dan penilaian yang kedua telah dilakukan di dalam tahun 2006.

### (e) Pelaburan – Jangka panjang

Pelaburan di dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan pelaburan-pelaburan lain yang dipegang untuk jangka panjang dinyatakan pada kos ditolak peruntukan bagi sebarang penurunan nilainya yang kekal. Peruntukan rosot nilai akan dibuat apabila pengarah-pengarah menganggap bahawa penurunan nilai pelaburan adalah bersifat berkekalan.

### (f) Kerja-kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja dalam pelaksanaan terdiri dari kos tanah dan perbelanjaan langsung yang terlibat untuk projek-projek pembangunan harta dan termasuk bayaran faedah ke atas pinjaman yang diperolehi untuk membiayai projek-projek tersebut.

### (g) Perbelanjaan Penanaman

Perbelanjaan penanaman getah dan kelapa sawit dan lain-lain perbelanjaan tidak langsung dalam kawasan-kawasan yang belum matang telah dipermudahkan sebagai ladang belum matang.

Perbelanjaan penanaman dinyatakan pada penilaian setelah ditolak pelunasan terkumpul. Penilaian semula dibuat sekurang-kurangnya satu kali setiap lima tahun oleh jurunilai profesional bebas berdasarkan nilai pasaran terbuka. Sebarang pertambahan dari penilaian dikreditkan kepada lebih penilaian semula dan sebarang pengurangan akan diselaraskan dengan pertambahan dari penilaian awal bagi kategori perbelanjaan penanaman yang sama dan selebihnya dikenakan kepada penyata pendapatan.

Pelunasan atas ladang getah matang diambikira dengan menghapuskan kos dalam tiga puluh tahun selepas ladang tersebut diisytiharkan matang.

Pelunasan atas ladang kelapa sawit matang diambikira dengan menghapuskan kos dalam dua puluh lima tahun selepas ladang tersebut diisytiharkan matang.

### (h) Pengiktirafan Hasil

#### i) Pendapatan Dari Jualan Barang dan Perkhidmatan

Pendapatan dari jualan diambikira, setelah ditolak diskaun, apabila barangan dihantar dan diterima oleh pelanggan dan apabila perkhidmatan telah diberi.

#### ii) Pendapatan Sewaan

Pendapatan dan sewaan diiktiraf secara akrual.

#### iii) Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila ianya diterima.

#### iv) Pendapatan Dari Kontrak Pembinaan

Pendapatan daripada kontrak pembinaan diiktiraf mengikut kaedah peratusan siap berdasarkan nisbah bayaran kemajuan yang terlibat dibandingkan dengan nilai kontrak setiap projek. Semua kerugian yang dijangka terhadap projek akan diperuntukkan sepenuhnya.

Keuntungan/kerugian kasar untuk projek Perbadanan yang telah dijual diambikira setelah bayaran kemajuan projek berkenaan mencapai tahap 50% siap.



## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

### (h) Pengiktirafan Hasil

#### iv) Pendapatan Dari Kontrak Pembinaan

Jumlah kos dikenakan dan keuntungan/kerugian yang diiktiraf ke atas setiap kontrak dibandingkan dengan bayaran kemajuan terkumpul sehingga akhir tahun kewangan ini. Apabila kos dikenakan dan keuntungan diiktiraf (ditolak kerugian diiktiraf) melebihi bayaran kemajuan, baki ditunjukkan sebagai "Terhutang oleh pelanggan bagi kerja kontrak". Sebaliknya, apabila bayaran kemajuan melebihi kos dikenakan dan keuntungan diiktiraf, baki ditunjukkan sebagai "Terhutang kepada pelanggan bagi kerja kontrak".

#### v) Pendapatan Faedah dan Keuntungan

Pendapatan faedah dan keuntungan diiktiraf berdasarkan asas akrual melainkan keuntungan mudharabah.

#### vi) Pendapatan Daripada Projek Penanaman dan Pembangunan Ladang

Pendapatan daripada projek penanaman dan pembangunan ladang syarikat subsidiari diiktiraf mengikut kaedah peratusan siap berdasarkan agregat jualan sebenar.

Kaedah peratusan siap diambilkira mengikut nisbah kos penanaman yang terlibat sehingga sekarang dibandingkan dengan jumlah kos jangkaan dimana hasil projek-projek tersebut boleh dianggarkan dengan pasti.

Semua kerugian yang dijangka terhadap projek penanaman akan diperuntukkan sepenuhnya.

#### vii) Pendapatan Komisyen

Pendapatan komisyen dari jualan ladang adalah diiktiraf apabila pindahan ke atas risiko dan manfaat telah disempurnakan.

### (i) Cukai

Cukai pendapatan atas keuntungan atau kerugian untuk tahun-tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa mewakili cukai pendapatan yang dijangka akan dikenakan ke atas keuntungan tahunan semasa yang boleh dicukai dan dikira pada kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbalan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan sementara antara asas cukai dan nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam penyata kewangan. Mengikut prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh dikenakan cukai, kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum diguna. Cukai tertunda tidak diiktiraf jika perbezaan sementara timbul dari muhibbah atau muhibbah negatif atau dari pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusiaga, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan atau keuntungan yang boleh dicukai.

### (j) Geran-geran Daripada Kerajaan

Geran-geran yang diterima daripada kerajaan akan diiktiraf sebagai pendapatan secara berperingkat untuk dipadankan dengan perbelanjaan yang berkaitan dengan tujuan geran tersebut diberikan.

Jumlah yang belum dilunaskan pada setiap akhir tempoh perakaunan akan ditunjukkan di dalam lembaran imbalan sebagai tanggungan jangka panjang.



## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

### (k) Stok

#### i) Stok perumahan

Stok perumahan yang telah siap dibina tetapi belum dijual dinyatakan pada harga terendah diantara nilai kos atau nilai bawaan dan nilai boleh realisasi bersih. Kos termasuk kos tanah, kos pembangunan dan lain-lain kos yang berkaitan.

#### ii) Stok perladangan dan barang niaga

Stok perladangan dan barang niaga dinyatakan pada harga terendah diantara kos dan nilai pasaran bersih mengikut asas purata wajaran dan asas masuk dahulu, keluar dahulu. Kos termasuk bahan langsung, buruh langsung dan lain-lain kos yang berkaitan.

### (l) Siberhutang

Siberhutang perdagangan dan lain-lain siberhutang dinyatakan pada kos selepas peruntukan hutang ragu. Hutang-hutang yang dianggap tidak dapat dikutip akan dihapuskan dan peruntukan akan disediakan untuk hutang-hutang yang diragukan.

### (m) Penyata aliran tunai

Kumpulan dan Perbadanan menggunakan kaedah tidak langsung dalam penyediaan penyata aliran tunai.

Tunai dan bersamaan tunai didefinisikan sebagai baki tunai di tangan, deposit permintaan dan pelaburan jangka pendek berkecualan tinggi yang sedia untuk ditukarkan kepada jumlah tunai yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

### (n) Penyusutan nilai aset

Nilai dibawa aset akan dinilai samada terdapat tanda-tanda penyusutan nilai. Penyusutan nilai diukur dengan membandingkan nilai dibawa dan nilai boleh pulih aset tersebut.

Kerugian penyusutan nilai diambikira di dalam penyata pendapatan. Penambahan selanjutnya dalam nilai boleh pulih aset tersebut diambikira sebagai pengembalian semula terhadap kerugian penyusutan nilai terdahulu dan diiktiraf setakat tahap nilai dibawa aset tersebut yang boleh dipastikan (setelah ditolak pelunasan dan susutnilai) seandainya tiada kerugian penyusutan nilai yang diiktiraf sebelum ini. Pengembalian semula tersebut diambikira di dalam penyata pendapatan.

### (o) Manfaat Kakitangan

#### (i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan dan Perbadanan.

